

# OBOR BELIA

BUKU 22

## UBAH HATIKU



Penerbitan Kristian

# **OBOR BELIA**

**Penulis (Bahasa Inggeris): Goh Kim Guat**

Kim Guat aktif dalam pelayanan belia dan kanak-kanak. Dia telah memperoleh B.A. (Hons) di Bryn Mawr College, U.S.A. dan M.Ed. di Harvard Graduate School of Education.

**Penterjemah: Steffisley Mosingki**

Steffisley adalah seorang penuntut Malaysia Bible Seminary berketurunan Rungus dari Pitas. Dia terlibat aktif dalam pelayanan *Vazaar* yang khusus untuk suku kaum Rungus.

**Penterjemah & Penyunting: Randy Singkee**

Randy banyak terlibat dalam penulisan dan penterjemahan sejak tahun 1993. Dia memperoleh B.A. (Hons) dari Universiti Malaya dan M.Sc. dalam bidang Geographical Information Systems (GIS) dari University of Edinburgh, UK.

Cetakan Pertama: Februari 2011

Penerbit : Wawasan Penabur Sdn. Bhd.  
[wawasan.penabur@gmail.com](mailto:wawasan.penabur@gmail.com)  
Kulit Buku : Randy Singkee  
Artis Ilustrasi : Eugene Tan

Petikan Alkitab diambil dari

Alkitab Berita Baik © 1996, Bible Society of Malaysia  
Alkitab Terjemahan Baru © 1974, Lembaga Alkitab Indonesia

Hakcipta © 2011 Wawasan Penabur Sdn. Bhd.

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

# Isi Kandungan

---

1	Sebelum Anda Bermula
4	Mukadimah: Ubah Hatiku
	<b>Lembar Kerja</b>
6	Sesi 1: Hati Yang Bersungguh-Sungguh
10	Sesi 2: Hati Yang Taat
14	Sesi 3: Hati Yang Beriman
18	Sesi 4: Hati Yang Berintegriti
22	Sesi 5: Hati Yang Global
26	Sesi 6: Hati Yang Berbelas Kasihan
30	Sesi 7: Hati Yang Hijau
34	Sesi 8: Hati Yang Adil
	<b>Panduan Pembimbing</b>
39	Sesi 1
44	Sesi 2
50	Sesi 3
54	Sesi 4
59	Sesi 5
65	Sesi 6
70	Sesi 7
74	Sesi 8

## Sebelum Anda Bermula...

### Memperkenalkan **OBOR BELIA**

**OBOR BELIA** dituliskan sebab:

- Para belia dan muda-mudi masih mencari program yang lebih berkesan dan yang dapat memenuhi keperluan mereka.
- Para belia dan muda-mudi masih kekurangan pembelajaran sistematik yang dapat meletakkan dasar iman teguh di tengah-tengah tekanan kehidupan moden ini.
- Kebanyakan buku pemuridan tidak dituliskan menurut konteks dan masalah-masalah yang dihadapi oleh belia dan muda-mudi yang hidup sebagai umat Tuhan di negara ini.

**OBOR BELIA** merupakan kurikulum yang memuat kaedah-kaedah kreatif dan praktikal agar Injil dapat disampaikan sesuai dengan keperluan para belia dan muda-mudi zaman sekarang. Kurikulum ini diolah untuk generasi muda Tubuh Kristus supaya mereka mengenal iman mereka secara mendalam dan hidup setia sebagai umat Tuhan di negara ini. Kurikulum ini akan memberi anda peluang untuk berbincang, bertukaran pendapat, berdoa bersama, belajar daripada satu sama lain, dan berseronok bersama. Setelah mempelajari kurikulum ini, anda akan mengetahui bahawa menjadi seorang Kristian memang relevan, mencabar, teruja dan anda akan menemui apa yang anda kehendaki untuk kehidupan anda.

### Cara Menggunakan **OBOR BELIA**

**OBOR BELIA** dicorakkan untuk pertemuan mingguan yang boleh digunakan di persekutuan di sekolah, rumah atau gereja. Anda juga boleh mengubahsuainya untuk kelompok kecil anda.

Siri buku ini mempunyai dua bahagian besar: Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing yang memberi panduan dan aktiviti-aktiviti kreatif untuk topik-topik buku ini.

Panduan Pelajar terdiri daripada Kata-Kata Mutiara, Ayat Mas Alkitab, Aktiviti Bersama, Renungan Firman Tuhan, Renungan Peribadi dan Doa. Panduan Pembimbing pula mempunyai tiga aspek tambahan iaitu Objektif-Objektif Sesi, Aktiviti Pencetus Minat, Jawapan Firman

Tuhan serta kaedah ajaran yang boleh digunakan.

Pembimbing atau pemimpin kelompok harus membaca Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing untuk memahami seluruh pelajaran ini dan cara menyelenggarakannya.

Dalam Siri Buku **OBOR BELIA** ini, anda akan menemui yang berikut:



#### **Ayat Mas Alkitab**

Ayat ini merupakan ayat yang penting dan perlu direnungi bersama kelompok anda.



#### **Kata-Kata Mutiara**

Baca bersama ahli-ahli kumpulan anda dan jelaskannya secara singkat.



#### **Aktiviti Bersama**

Bahagian ini memperkenalkan tema utama sesi ini dengan menggunakan pelbagai permainan, lakonan, kertas kerja atau cara yang menarik untuk mencetus minat para peserta.



#### **Renungan Firman Tuhan**

Bahagian di mana Firman Tuhan akan dibentang dan dibincangkan. Pelbagai aktiviti dirancang agar mereka dapat melibatkan diri dalam Firman Tuhan.



#### **Renungan Peribadi**

Bahagian ini menggabungkan cara-cara kreatif dan praktikal untuk menggalakkan mereka merenungi pelajaran hari itu serta menerapkan kebenaran yang telah dipelajari untuk kehidupan mereka, dan bukan sekedar mengetahuinya sahaja.






#### **Doa**

Pembimbing dan peserta digalakkan menutup setiap sesi dengan doa.

## Untuk Pemimpin/Pembimbing

Panduan untuk memimpin dan membimbing sesi disediakan di bahagian akhir buku ini. Anda akan dibekalkan dengan nota-nota tambahan untuk setiap bahagian dalam sesi di Lembar Kerja.

	<p><b>Objektif-Objektif Sesi</b> Bahagian ini menjelaskan dengan terperinci objektif-objektif sesi. Pembimbing mesti membaca objektif-objektif ini sebelum memulakan pelajaran.</p>
	<p><b>Pencetus Minat</b> Mencadangkan beberapa teknik pemanasan dan pencetus minat para pelajar dengan menggunakan permainan, lakonan, dan sebagainya.</p>
	<p><b>Aktiviti Tambahan</b> Aktiviti atau pelajaran tambahan yang diolah untuk memperkuatkan lagi pengajaran Alkitab atau satu pernyataan.</p>

## Beberapa Panduan Berguna

### \* **Baca**

Baca bahagian Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing jika anda sedang membimbing satu kelompok supaya anda boleh berfikir dan menyiapkan diri dengan mantap.

### \* **Doa**

Berdoa agar Tuhan memberi anda kebijaksanaan sewaktu mengendalikan topik dalam perbincangan. Jangan lupa berdoa agar Tuhan menyentuh dan mengubah kehidupan ahli-ahli kumpulan anda.

### \* **Persiapan**

Bahagian Renungan Firman Tuhan memerlukan paling banyak bimbingan dan ajaran daripada anda. Renungkan contoh-contoh yang dapat menolong anda menjelaskan ajaran anda dalam bahagian lain.

### \* **Santai & Ketawa**

Jangan terlalu serius dan kalau boleh berjenakalah sekali-sekala. Biar proses pembelajaran itu lebih berinteraksi, partisipasi dan santai.

## Buku 22: Ubah Hatiku

### Mukadimah

Mengapakah Alkitab memanggil Abraham sebagai sahabat Allah, Musa sebagai manusia yang paling rendah diri di muka bumi dan Daud sebagai orang yang menyenangkan hati Allah? Apakah perkara yang mampu menyenangkan hati Tuhan sekaligus menceriakan kita di dalam usaha untuk menjadi seperti-Nya serta menyenangkan-Nya?

Terdapat lapan kualiti hati untuk kita pelajari bersama: hati yang sungguh-sungguh, penuh ketaatan, didasari iman, sarat dengan integriti; berpandangan global dan menyentuh hati Tuhan, memiliki hati pengurusan untuk semua ciptaan-Nya, berbelas kasihan dan hati yang berani berdiri demi keadilan dan kebenaran.

Setiap kali Allah menyelesaikan pekerjaan-Nya, Dia sangat senang dan melihat segala yang dijadikan-Nya sungguh amat baik (Kejadian 1:31). Allah bukan sahaja mengasihi manusia yang diciptakan-Nya di dunia ini, Dia juga memanggil kita untuk melakukan perkara yang sama. Kita cenderung lupa bahawa Allah juga memperhatikan apa yang sedang terjadi di dunia kini. Dan kita sering melepaskan tanggungjawab kita kepada badan bukan kerajaan atau NGO, aktivis sosial yang memperjuangkan hak-hak yang diperlukan dan menyedarkan masyarakat tentang permasalahan yang sedang berlaku di dunia sekarang.

Diharapkan sesi-sesi dalam buku ini akan meyakinkan dan mencabar para belia untuk hidup mencerminkan kualiti-kualiti yang membolehkan mereka dipanggil orang yang menyenangkan Allah. Ia juga akan bantu menyempurnakan kasih Allah dalam kehidupan kita dan mempedulikan mereka yang memerlukan belas kasihan. Hal ini akan mencabar belia Kristian untuk lebih proaktif untuk memiliki hati tentang apa yang berlaku pada dunia sekarang.

Semoga buku ini dapat menolong dan mendorong belia Kristian untuk melihat keadaan dunia kini melalui sudut pandangan Allah dan mendengarkan suara hati Allah tentang keselamatan dan penebusan mereka. Semoga mereka memiliki komitmen untuk mengasihi dan mempedulikan, bukan hanya kata-kata tetapi juga dalam perbuatan sehingga kehidupan mereka mencerminkan kasih Allah bagi orang dan

dunia yang diciptakan-Nya.

Dan pada masa yang sama, semoga mereka mengetahui jauh di dalam lubuk hati mereka “sorakan daripada Syurga” (dipinjam daripada buku Max Lucado), Tuhan bersorak bagi mereka ketika mereka menyentuh hati Bapa mereka.

“Tuhanlah yang empunya bumi serta segala isinya, dan dunia serta yang diam di dalamnya. Sebab Dialah yang mendasarkannya di atas lautan dan menegakkannya di atas sungai-sungai. ‘Siapakah yang boleh naik ke atas gunung TUHAN? Siapakah yang boleh berdiri di tempat-Nya yang kudus?’ Orang yang bersih tangannya dan murni hatinya, yang tidak menyerahkan dirinya kepada penipuan, dan yang tidak bersumpah palsu. Dialah yang akan menerima berkat dari TUHAN dan keadilan dari Allah yang menyelamatkan dia.” (Mazmur 24:1-5)





# Hati Yang Bersungguh-Sungguh





## Ayat Mas Alkitab

“Aku akan menjadikan engkau isteri-Ku untuk selama-lamanya dan Aku akan menjadikan engkau isteri-Ku dalam keadilan dan kebenaran, dalam kasih setia dan kasih sayang. Aku akan menjadikan engkau isteri-Ku dalam kesetiaan, sehingga engkau akan mengenal TUHAN.”

(Hosea 2:19-20)



## Kata-kata Mutiara

Kesungguhan terhadap Tuhan bukan hanya melibatkan emosi tetapi juga komitmen dan kesetiaan kita terhadap-Nya.



## Aktiviti Bersama

### Bagaimana Jika... ?

Dalam kumpulan 4-5 orang, bincangkan:

- i. Bayangkan penerima surat cinta anda mengambil keputusan untuk menolak cinta anda demi seseorang yang lain. Bagaimanakah perasaan anda sekiranya perkara tersebut terjadi?
  
- ii. Berapa ramai di antara anda yang akan merayu kekasih anda itu untuk kembali kepada anda? Bagaimana jika dia telah meniduri teman barunya? Apakah anda mempunyai kasih yang cukup kuat untuk mengampuni dan meneruskan hubungan tersebut?



## Renungan Firman Tuhan

1. Bagaimanakah Alkitab menggambarkan kesungguhan Tuhan mengasihi anda? (Yesaya 54:4-6)

2. Bagaimana Alkitab menggambarkan sayang Allah kepada umat-Nya? (Yeremia 31:20)
  
3. Hosea 2:14-23 menyatakan kesungguhan Allah untuk mengasihi umat-Nya. Jenis hubungan apakah yang digunakan Allah untuk menggambarkan kasih-Nya?
  
4. Meskipun isteri (umat)-Nya melarikan diri dengan kekasih (tuhan) lain, bagaimana Allah menunjukkan kesungguhan kasih-Nya terhadap umat-Nya yang curang? (Hosea 2:13)
  
5. Apa yang digambarkan dalam majlis perkahwinan di Hosea 2:17-22?
  
6. Apakah komitmen Allah dalam mengasihi umat-Nya? (Hosea 2:18, 22)
  
7. Kesetiaan adalah satu komitmen kasih Tuhan. Bagaimana kita harus respon kepada kasih Allah? (2 Timotius 2:11-13)



### Renungan Peribadi

Dalam kumpulan 4-5 orang, bincangkan:

- Bagaimanakah anda dapat bertumbuh di dalam kesungguhan anda kepada Tuhan?

- Apakah halangan-halangan yang menghalang anda daripada mengasihi Tuhan dengan sepenuh hati atau pun menjadi setia di dalam komitmen anda terhadap-Nya?

**Santapan Minda**

“Hidup kita ditentukan oleh keputusan yang kita buat ... Keputusan yang kita buat ditentukan oleh keadaan hati kita.”

~ Carla Galanos



**Doa**

Dalam satu bulatan besar, doakan rakan yang berada di sebelah kanan anda. Berdoalah agar mereka bertumbuh dalam kesungguhan mereka kepada Tuhan, mengatasi semua halangan yang telah dikongsikan tadi.

## Hati Yang Taat





## Ayat Mas Alkitab

“Firman-Nya kepadaku: ‘Hai anak manusia, makanlah apa yang engkau lihat di sini; makanlah gulungan kitab ini dan pergilah, berbicaralah kepada kaum Israel.’ Maka kubukalah mulutku dan diberikan-Nya gulungan kitab itu kumakan. Lalu firman-Nya kepadaku: ‘Hai anak manusia, makanlah gulungan kitab yang Kuberikan ini kepadamu dan isilah perutmu dengan itu.’ Lalu aku memakannya dan rasanya manis seperti madu dalam mulutku.”  
(Yehezkiel 3:1-3)



## Kata-kata Mutiara

Ketaatan bermaksud memilih untuk mengikuti Tuhan dan percaya bahawa Dia tahu apa yang sedang dilakukan-Nya.



## Aktiviti Bersama

### Bermasalah Dengan Peraturan?

Dalam kumpulan 4-5 orang, bincangkan:

1. Beberapa peraturan sekolah atau tempat kerja yang sukar anda patuhi

2. Mengapa anda berasa sedemikian.

3. Apa yang boleh dilakukan agar anda lebih selesa dan bersedia mematuhi peraturan tersebut?



## Renungan Firman Tuhan

1. Mengapa Yunus lari daripada mematuhi perintah Allah? (Yunus 1:2-3)
2. Apa yang terjadi bila Yunus menyampaikan firman Allah di Niniwe? (Yunus 3:4-10)
3. Mengapa Yunus berasa marah dengan pertaubatan Niniwe? (Yunus 4:1-4)
4. Dibandingkan dengan Yunus, Yehezkiel harus menghadapi manusia yang bagaimana? (Yehezkiel 2:3-8)
5. Adakah Tuhan membiarkan Yehezkiel sendirian dalam menghadapi umat Israel yang keras hati? (Yehezkiel 3:4-9)
6. Kenapa Tuhan masih mau menjangkau umat yang keras hati dan kepala?
7. Apa yang Tuhan berikan kepada hati yang keras? (Yehezkiel 11:19)
8. Apa yang Tuhan janjikan dengan pemberian hati dan roh yang baru kepada mereka yang percaya kepada-Nya? (Yehezkiel 36:26,27)
9. Kenapa kita harus tetap percaya kepada Allah dan rancangan-Nya? (Yesaya 55:8-9)



## Renungan Peribadi

### Yehezziel atau pun Yunus?

Mempunyai hati yang taat bukanlah mudah. Seringkali kita akan memberikan alasan seperti Yunus untuk tidak mentaati Allah walaupun kita mengetahui bahawa itu ialah perkara yang harus dilakukan. Fikirkan satu bahagian di dalam hidup anda di mana anda sering menjadi *Yunus* dan melarikan diri daripada Allah.

- 1 Pada pandangan anda, mengapakah Allah memanggil anda untuk taat kepada-Nya di dalam perkara ini? Dapatkah anda melihat tujuan-Nya di sebalik tabir?

*Walaupun anda tidak memahami tujuan-Nya, adakah ini bermaksud yang anda tidak boleh dipercayai Allah?*

- 2 Buat satu senarai sebab-sebab pergumulan anda.

*Dengan apa yang anda telah pelajari hari ini, apakah alasan tersebut cukup bagi anda untuk tidak mentaati Allah?*

### Santapan Minda

“Allah memanggil anda untuk dipercayai-Nya walaupun anda tidak memahami rancangan-Nya. Dia memanggil anda untuk memilih mentaati Dia walaupun anda tidak ingin atau pun tidak sanggup untuk berbuat demikian. Dalam erti kata yang lain, Allah memanggil anda untuk menjadi Yehezkiel dan bukan Yunus.

~ Goh Kim Guat



### Doa

Berdoalah agar anda belajar untuk hidup di dalam mentaati Allah, memilih untuk mengikuti-Nya dan dipercayai-Nya ketika Dia memanggil anda untuk berjalan lebih intim dengan-Nya.



# Hati Yang Beriman





## Ayat Mas Alkitab

“Tetapi tanpa iman tidak mungkin orang berkenan kepada Allah. Sebab barangsiapa berpaling kepada Allah, ia harus percaya bahwa Allah ada, dan bahwa Allah memberi upah kepada orang yang sungguh-sungguh mencari Dia.”  
(Ibrani 11:6)



## Kata-kata Mutiara

Iman bermaksud mempercayai Allah, peribadi-Nya serta Firman-Nya.



## Aktiviti Bersama “Jatuh” Dengan Iman

Pembimbing anda akan melakukan satu eksperimen sejauh mana teman anda berani ‘jatuh dengan iman’. Selepas eksperimen itu, bincangkan yang berikut dengan pasangan anda:

Jika anda adalah orang yang mahu disambut oleh pembimbing anda, adakah anda:

- 1 Mempunyai keyakinan kekuatan orang yang menyambut anda apabila anda jatuh?
- 2 Percaya dia benar-benar akan menangkap anda ketika anda jatuh?
- 3 Akan bertindak menjatuhkan diri di dalam kepercayaan tersebut?



## Renungan Firman Tuhan

1. Apa itu iman menurut penulis kitab Ibrani? (Ibrani 11:1)

2. Iman berarti mempercayai siapa Allah. Apa yang anda boleh pelajari daripada iman Abraham? (Roma 4:18-21)
  
3. Kenapa kita boleh beriman dan mempercayai Allah dan firman-Nya? (Ibrani 11:6)
  
4. Apakah perkara-perkara yang mustahil yang Abraham dapat alami melalui imannya kepada TUHAN? (Ibrani 11:8-12)
  
5. Kenapa Yesus merasa kagum dengan iman seorang perwira di Kapernaum? (Matius 8:5-10)
  
6. Kenapakah Paulus mengatakan iman dan segala karunia itu haruslah disaluti dengan kasih? (1 Korintus 13:2, 13)
  
7. Apakah nasihat Paulus kepada kita tentang iman? (Kolose 2:6-7)
  
8. Apa pula nasihat Yakobus kepada kita? (Yakobus 2:14-17)
  
9. Kenapa Abraham dikatakan sebagai 'Sahabat Allah'? (Yakobus 2:21-23)



## Renungan Peribadi

### Hati ku yang beriman

Ambil beberapa waktu untuk memikirkan jenis orang beriman yang anda ingin jadi. Kemudian tulis satu cerita pendek bagaimana anda ingin kehidupan beriman anda di tahun hadapan.

\*\*\*\*\*  
 \*  
 \* **Santapan Minda** \*  
 \*  
 \* "Iman adalah percaya kepada apa yang anda belum nampak. \*  
 \* Ganjaran dari iman ini adalah untuk melihat apa yang anda \*  
 \* percaya." \*  
 \*  
 \* ~ Augustine \*  
 \*  
 \*\*\*\*\*



### Doa

Berdoalah agar Tuhan membantu anda untuk bertumbuh menjadi orang yang beriman, supaya kehidupan anda menyenangkan Tuhan serta dipakai oleh-Nya untuk memberkati orang lain.

## Hati Yang Berintegriti





## Ayat Mas Alkitab

“Kemudian para pemimpin tinggi dan wakil raja itu mencari alasan dakwaan terhadap Daniel dalam hal pemerintahan, tetapi mereka tidak mendapat alasan apapun atau sesuatu kesalahan, sebab ia setia dan tidak ada didapati sesuatu kelalaian atau sesuatu kesalahan padanya.”  
(Daniel 6:4)



## Kata-kata Mutiara

Orang yang mempunyai integriti ialah orang yang mengamalkan kepercayaan terhadap Tuhan dan tidak berkompromi walaupun berhadapan dengan pelbagai kesukaran.



## Aktiviti Bersama

### Dilema Moral

Apa yang anda baca di bawah ialah situasi benar di dalam hidup (dengan sedikit perubahan). Ia mungkin merupakan situasi yang anda pernah lalui sebelum ini!

*Anda berada di dalam sebuah kedai buku yang baru sahaja dibuka di dalam sebuah pasar raya. Sambil membelek-belek buku yang dipamer, anda ternganga kerana buku-buku tersebut sangat mahal. Tiba-tiba, di luar jangkaan anda, anda terjumpa sebuah buku yang sudah lama anda inginkan.*

*Perkara pertama yang anda lakukan ialah melihat harga buku tersebut. Anda terkejut kerana harganya cuma RM 14.90. “Hebatnya!” anda merasa sangat bertuah. Kemudian dengan gembira anda mencari buku yang lebih cantik dan masih baik keadaannya.*

*Tanpa disangka, harga buku tersebut berlainan daripada yang tadi. Buku-buku yang lain berharga RM 49.90! Sekarang anda faham mengapa buku tadi sangat murah. Mereka telah cuai meletakkan harga yang salah!*

Apakah yang akan anda lakukan?

1. Beli buku yang “berharga” RM14.90.
2. Bawa buku tersebut ke kaunter dan minta pekerja di situ untuk memastikan harga buku tersebut untuk anda. Beritahu pekerja tersebut bahawa mungkin terdapat kesilapan (dan secara diam-

- diam anda berharap mereka tidak akan perasan).
3. Dengan kecewa anda tinggalkan kedai tersebut kerana anda tidak mampu untuk membeli buku tersebut.
  4. Lain-lain: cadangkan tindakan apa yang anda akan ambil.



### Renungan Firman Tuhan

1. Apa erti 'integriti' bagi anda?
2. Kenapa Daniel dikatakan seorang yang berintegriti? (Daniel 6:2-6)
3. Perkara apakah yang harus dicontohi oleh pemimpin zaman sekarang tentang integriti? (Daniel 6:5-6)
4. Dengan cara apakah mereka ingin memerangkap dan menjatuhkan Daniel? (Daniel 6:6-15)
5. Integriti juga bererti tidak berkrompromi kepercayaan anda. Apa yang dilakukan oleh Daniel tentang hal ini? (Daniel 6:11)
6. Integriti juga bererti takut akan Allah dan tidak kepada manusia. Apa hasil daripada takut akan Allah? (Amsal 19:23)
7. Apa kata Raja Salomo tentang takut akan Allah? (Pengkhotbah 8:12)

- 8. Apa nasihat Salomo terhadap hati yang berintegriti (bersih kelakuan)? (Amsal 19:1, 28:6)
- 9. Dan apakah berkat yang kita dapat dengan menjalankan satu kehidupan yang penuh integriti? (Amsal 20:7)



### Renungan Peribadi

Bincangkan bagaimanakah integriti dapat dipraktikkan oleh seorang Kristian di dalam setiap kategori berikut (sebagai contoh, bagi kategori *kata-kata* anda boleh mencadangkan perkara seperti tidak berbohong dan menepati janji):

<i>Kata-kata</i>	<i>Fikiran</i>
<i>Tingkah-laku</i>	<i>Perasaan kepercayaan</i>

### Santapan Minda

“Integriti adalah seperti oksigen. Semakin tinggi anda berada, semakin tipislah ia. Waspadalah!”

~ Paul Dickson



### Doa

Berdoalah agar Tuhan membantu anda untuk menjadi seorang yang berintegriti. Berdoa juga agar anda dapat hidup dengan layak di hadapan Tuhan dan menyenangkan-Nya.



## Hati Yang Global





## Ayat Mas Alkitab

Lalu ia berkata kepada mereka, “pergilah ke seluruh dunia, beritakanlah Injil kepada segala makhluk. Siapa yang percaya dan dibaptis akan diselamatkan, tetapi siapa yang tidak akan dihukum.”  
(Markus 16:15-16)



## Kata-kata Mutiara

Kata-kata terakhir Yesus kepada murid-murid-Nya ialah supaya mereka pergi ke seluruh dunia dan menyatakan Berita Baik tentang isi hati Allah, yaitu supaya setiap orang yang datang kepada-Nya akan diselamatkan.




## Aktiviti Bersama

### Kata-kata Perpisahan

Dalam kumpulan 4-5 orang, bincangkan:

Bayangkan keluarga anda akan berhijrah ke luar negara. Dan hari ini adalah hari terakhir anda bersama dengan persekutuan belia ini sebelum anda meninggalkan mereka. Anda diminta untuk mengucapkan sesuatu sebelum anda pergi. Apakah kata-kata perpisahan yang akan anda ucapkan untuk persekutuan ini?





## Renungan Firman Tuhan

1. Apakah maksud kata-kata terakhir Yesus seperti yang terdapat dalam 3 petikan di bawah ini?

Matius 28:19-20	
Markus 16:15	
Lukas 24:45-49	

2. Apa itu Injil atau Berita Baik seperti yang diberitakan oleh Petrus? (Kisah Para Rasul 10:34-43)
3. Apakah yang diberitahu oleh Filipus kepada sida-sida Etiopia tentang Injil? (Kisah Para Rasul 8:26-35)
4. Apa yang dilakukan oleh Filipus kepada sida-sida tersebut selepas dia percaya kepada Yesus? (Kisah Para Rasul 8:36-38)
5. Apakah keinginan Allah tentang keselamatan manusia ciptaan-Nya? (2 Petrus 3:9)
6. Kenapa Injil Kerajaan Allah harus diberitakan kepada bangsa-bangsa? (Matius 24:14)
7. Apakah tugas kita sebagai umat dan gereja Allah? (Matius 28:19-20)



## Renungan Peribadi

Anda tidak perlu menjadi seorang misionaris untuk taat kepada perintah Tuhan bagi membawa Berita Baik ke seluruh dunia. Dalam kumpulan 4-5 orang, bincangkan beberapa perkara praktikal yang anda boleh lakukan untuk menjangkau 'suku-suku yang belum terjangkau' di dunia ini.

### Santapan Minda

"Sejarah misi adalah sejarah doa-doa yang dijawab. . .  
Ini [doa] adalah kunci untuk semua masalah misi  
Kristian. Cara-cara lain adalah sekunder."

~ S.M. Zwemer



## Doa

Berdoa khusus untuk negara-negara di Jendela 10/40. Doakan untuk misionaris dan organisasi misi Kristian yang bekerja di kalangan mereka, penyelamatan bagi suku-suku dan keselamatan serta kesejahteraan misionaris di kalangan mereka.



## Hati Yang Berbelas Kasihan





## Ayat Mas Alkitab

“Untuk mengetahui anugerah Tuhan kita Yesus Kristus. Walaupun Dia kaya, tetapi untuk kamu Dia rela menjadi miskin supaya melalui kemiskinan-Nya kamuboleh menjadi kaya.” (2 Korintus 8:9)



## Kata-kata Mutiara

Yesus melepaskan semua hak-hak diri-Nya untuk datang dan melayani kita, sehingga memberikan satu contoh kepada kita apa artinya memiliki hati yang berbelas kasihan terhadap orang-orang di sekitar kita.



## Aktiviti Bersama

### Apa Yang Harus Saya Lakukan?

Dalam kumpulan 2-3 orang:

1. Carikan dalam suratkhbar hari ini tentang peristiwa-peristiwa di mana orang atau negara yang dalam kesusahan.
2. Bincangkan bagaimana perasaan anda setiap kali anda menemukan orang yang menderita atau memerlukan bantuan. Jujurlah dengan perasaan anda dan pergumulan yang anda hadapi (sekiranya ada) dalam membantu orang yang dalam kesusahan.



## Renungan Firman Tuhan

1. Kristus memanggil kita untuk pergi dan memberitakan Berita Baik, apakah yang kita dipanggil untuk berkongsi? (1 Yohanes 3:16)
  
2. Apa itu Berita Baik? (Yohanes 3:16)
  
3. Bagaimana Yesus menunjukkan kasih dan belas kasihan-Nya kepada orang-orang berdosa yang hilang arah tuju dan mati secara rohani?

Filipi 2:5-8	
Ibrani 2:14-18	
Ibrani 4:14-16	
Markus 10:42-45	

4. Kenapa Yesus melepaskan semua hak-Nya untuk kita? (2 Korintus 8:9)
  
5. Kenapa Yesus mahu berkongsi kemanusiaan dengan kita? (Ibrani 4:15-16)
  
6. Bagaimanakah Yesus datang untuk melayani orang? (Matius 20:28)

7. Sebagai pengikut Kristus, bagaimana kita menunjukkan belas kasihan kepada orang lain? (1 Petrus 4:8-10)
  
8. Bagaimana pula kita melepaskan hak kita untuk orang lain? (Filipi 2: 2-8)



### Renungan Peribadi

Fikirkan satu cara bagaimana anda dapat secara serius mencontohi Yesus untuk memperdulikan orang lain (bukan hanya menghantar wang anda). Apakah yang anda dapat lakukan minggu ini, dan kepada siapa?

### Santapan Minda

“Belas kasihan akan menyembuhkan lebih banyak dosa daripada menjatuhkan hukuman dosa”.

~ Henry Ward Beecher



### Doa

Berdoalah kepada Tuhan supaya anda diberikan satu hati yang penuh dengan belas kasihan. Berdoa agar Tuhan mengajar anda untuk selalu mencontohi Kristus (sikap, fikiran dan hati) supaya dapat melayani orang lain.



## Hati Yang Hijau





## Ayat Mas Alkitab

“Tuhanlah yang empunya bumi serta segala isinya, dan dunia serta yang diam di dalamnya. Sebab Dialah yang mendasarkannya di atas lautan dan menegakkannya di atas sungai-sungai.” (Mazmur 24:1-2)



## Kata-kata Mutiara

Sebagai umat Tuhan, kita dipanggil untuk menjaga dunia yang kita tinggal kerana ini adalah ciptaan Allah dan Dia sangat mengasihani ciptaan-Nya.



## Aktiviti Bersama

### Berapa Hijaukah Anda?

Berapa pedulilah anda terhadap alam sekitar dan bumi ciptaan Tuhan ini? Bulatkan jawapan anda untuk soalan-soalan di bawah ini dan ketahuilah adakah anda orang yang menyetujui Zainal Abidin dalam lagu hitnya, ‘Hijau’?

	A	B
1. Selalunya saya menggunakan ini untuk membawa barang-barang saya.	Plastik	Beg Kertas
2. Di rumah saya, kami....	Membuang sampah dalam satu tong sampah	Mengasingkan botol dan tin aluminium.
3. Saya membiarkan air mengalir ketika memberus gigi.	Ya	Tidak
4. Bila saya tidak menemui tong sampah biasanya saya..	Buang di mana-mana sahaja.	Simpan sampah saya sehingga saya jumpa tong sampah
5. Bila saya melihat orang membuang sampah di merata tempat...	Saya tidak merasa terganggu dengannya	Saya jadi marah
6. Jika saya mempunyai pilihan antara menggunakan kertas kitar semula atau kertas biasa, saya akan pilih ...	Kertas biasa	Kertas kitar semula

	A	B
7. Apabila saya membaca artikel di surat khabar tentang alam sekitar dan melindungi haiwan hampir pupus, saya biasanya...	Tinggalkan bahagian itu dan baca berita yang lain	Membaca untuk mengetahui lebih lanjut.
8. Jika saya mempunyai wang , saya lebih suka memberikan kepada...	Wang tabungan bangunan gereja saya	WWF atau NGO untuk tabung alam sekitar mereka
9. Adakah anda marah ketika anda mendengar sisa kimia atau nuklier dibuang di tasik, sungai atau laut?	Tidak	Ya
10. Jika anda tinggal berhampiran dengan kilang yang mengeluarkan bau yang busuk, adakah anda mahu melakukan sesuatu atau setidaknya mendapatkan seseorang untuk melakukan sesuatu tentang perkara itu?	Tidak	Ya
<b>JUMLAH SKOR</b>		



### Renungan Firman Tuhan

1. Siapa yang mencipta bumi dan seluruh isinya? (Mazmur 89:12-13)
2. Mandat (tugas istimewa) apakah yang telah Allah berikan kepada manusia? (Kejadian 1:27-30)
3. Dunia ini dicipta oleh Allah. Apakah yang Allah katakan setiap kali Dia selesai mencipta sesuatu? (Kejadian 1:10,12, 25)
4. Apakah perasaan Allah setiap kali Dia selesai mencipta? (Kejadian 1:10,12,25)

5. Kenapa Allah memerintah manusia untuk mengurus semua sumber bumi? (Mazmur 24:1-2)
  
6. Bagaimana Allah menunjukkan kasihnya kepada dunia ini? (Yohanes 3:16)
  
7. Apa yang dikatakan Paulus tentang penantian penebusan di Roma 8:18-25?
  
8. Tanggungjawab yang bagaimanakah telah diberikan kepada kita sementara menunggu Yesus datang kembali? (Markus 13:34)
  
9. Apa yang akan terjadi kepada dunia yang sudah dirosakkan oleh manusia pada suatu hari nanti? (Wahyu 21:1)



### **Renungan Peribadi**


Fikirkan beberapa cara bagaimana anda boleh secara proaktif menjaga dunia ciptaan Allah dan sumbernya ini.



### **Doa**

Berdoalah agar anda akan mempunyai kesedaran tanggungjawab untuk menjaga alam ciptaan Allah ini.

## Hati Yang Adil





## Ayat Mas Alkitab

“Beginilah firman Tuhan: Lakukanlah keadilan dan kebenaran, lepaskanlah dari tangan pemerassannya orang yang dirampas haknya, jangan engkau menindas dan jangan engkau memperlakukan orang asing, yatim dan janda dengan keras, dan janganlah engkau menumpahkan darah orang yang tidak bersalah di tempat ini.” (Yeremia 22:3)



## Kata-kata Mutiara

Tuhan memanggil kita untuk melakukan apa yang adil dan benar dan berani berdiri untuk kebaikan mereka yang terpinggir dan tidak mampu membela diri.



## Aktiviti Bersama

### Berlaku Adil

Dalam kumpulan 3-4 orang, baca petikan Alkitab di bawah ini dan bincangkan:

	Apa erti keadilan mengikut petikan ini:	Apa yang terlibat dalam melakukan apa yang adil?
Yeremia 22:3		
Amos 5:11-15		
Mikha 6:8		
Matus 23:23		



## Renungan Firman Tuhan

1. Apa yang dikatakan oleh Alkitab tentang sifat Allah? (Ulangan 32:3-4)

2. Apakah dua sifat Allah yang tidak dapat dipisahkan? (Yeremia 23:5)
3. Maka jika kita melakukan keadilan, ianya harus disertai dengan apa? (Amsal 2:6-9)
4. Apa perintah Tuhan untuk kita dalam kehidupan ini? (Amos 5:14-15)
5. Siapa yang harus kita bela keadilan? (Amos 5:11, Yeremia 22:3)
6. Tuhan juga menuntut satu cara hidup yang beribadah dengan satu seruan. Apakah itu? (Mikha 6:8)
7. Apakah buah-buah daripada hikmat dari Tuhan menurut Yakobus? (Yakobus 3:17)
8. Keadilan harus disertai dengan kebenaran dan belas kasihan. Jika kita memerlukan hikmat untuk itu, siapakah yang harus kita minta? Apakah yang akan diberikan-Nya? (Yakobus 1:5)



### Renungan Peribadi

Lihat semula senarai situasi yang telah diberikan kepada anda di awal sesi ini. Bincangkan bersama apakah cara yang harus dilakukan supaya dapat bertindak dengan adil dan penuh belas kasihan.

**Kes 1:** Pinjam wang kepada teman tetapi dia tidak mau mengembalikannya.

**Kes 2:** Menangkap seorang teman yang merokok di tandas.

**Kes 3:** Sekolah memandu yang secara terang-terang meminta wang sogokan untuk lulus.

**Kes 4:** Kawan yang dituduh dengan tidak adil oleh seorang guru.

### Santapan Minda

“Kerana semua orang telah berdosa dalam Adam dan berada di bawah hukuman dan kutuk kematian kekal, Allah akan berlaku tidak adil jika sudah menjadi kehendak-Nya untuk membiarkan seluruh umat manusia berada dalam dosa dan di bawah kutukan, dan mengutuk mereka kerana dosa mereka.”

~ The Canon of Dort



### Doa

Berdoa supaya Allah memberikan anda hati yang bukan saja adil tetapi juga penuh dengan belas kasihan. Berdoa supaya anugerah Allah menyinari kehidupan anda dalam interaksi anda dengan orang lain ketika anda melakukan kebaikan terhadap orang-orang yang tertindas.



# Panduan Pembimbing

## Sesi 1: Hati Yang Bersungguh-Sungguh



### Objektif-Objektif Sesi

1. Mengkaji bahawa Allah menggunakan hubungan suami isteri sebagai metafor bagi kesungguhan dan kasih-Nya untuk umat manusia.
2. Memahami bahawa kesungguhan Allah dipengaruhi emosi, komitmen serta kesetiaan-Nya.
3. Membincangkan dan mengenal pasti cara bagaimana mereka dapat mempunyai hati yang penuh dengan kesungguhan terhadap Allah mereka.



### Pencetus Minat

1. Aktiviti ini melibatkan mereka yang hadir untuk meluahkan kesungguhan mereka kepada orang yang mereka sayangi melalui sepucuk surat.
2. Bahagikan mereka kepada beberapa kumpulan kecil 4-5 orang.
3. Edarkan sekeping kertas dan sebatang pensel kepada setiap orang.
4. Minta mereka untuk membayangkan yang mereka telah jatuh cinta kepada kekasih idaman mereka. Hari demi hari mereka merindui orang tersebut. Perkara yang paling mengujakan ialah cinta mereka berbalas.
5. Minta mereka untuk menulis sepucuk surat untuk meluahkan perasaan mereka terhadap orang tersebut.
6. Kemudian minta mereka mengongsikan surat tersebut dengan rakan-rakan yang lain.
7. Selepas itu, minta mereka membincangkan hal-hal yang biasa dilakukan oleh orang yang sedang dilamun cinta.



### Renungan Firman Tuhan

#### A. Pengenalan

1. Ketika anda sungguh-sungguh menyayangi seseorang, anda akan menggunakan banyak tenaga emosi kepada hubungan tersebut, bukan? (*Rujuk kepada apa yang telah mereka bangkitkan sebentar tadi*)
2. Anda tidak akan melayan orang tersebut seakan-akan anda tidak mempunyai masa dan ruang baginya.

3. Emosi dan usaha anda akan disalurkan untuk mencari masa bersama-sama dengan orang tersebut untuk menikmati kehadirannya.
4. Perasaan positif yang kuat terhadap orang tersebut juga akan hadir, bukankah begitu?
5. Tidak akan ada penghujungnya bagi apa yang ingin anda katakan, dan yang ingin anda dengar daripada orang tersebut. Tidak ada orang lain yang lebih penting bagi anda ketika itu.
6. Begitulah keadaannya ketika kita berasa sangat bersungguh-sungguh kepada orang yang kita sukai.
7. Bagaimana pula dengan hubungan kita dengan Tuhan? Anda telah pun mendengar bahawa Tuhan amat menyanyangi anda sejak hari pertama anda menjadi seorang Kristian.
8. Tahukah anda bahawa Allah bukan sahaja mengasihi anda, tetapi Dia mengasihi anda dengan bersungguh-sungguh? (*Minta mereka untuk memberikan respon beserta petikan Alkitab jika boleh*)
9. (*Rujuk Yesaya 54:4-6 dan Yeremia 31:20*)
10. Bagaimanakah perasaan seorang suami kepada isterinya dan seorang ayah kepada anaknya? (*Biar mereka respon*)
11. Alkitab menggunakan kasih seorang suami kepada isterinya dan ayah kepada anaknya sebagai gambaran bahawa kasih Tuhan bukanlah kasih yang tidak berperasaan tetapi Allah sebenarnya mengasihi kita dengan bersungguh-sungguh.
12. Hari ini kita akan mempelajari bagaimana untuk mengasihi Allah seperti Dia mengasihi kita.
13. Empat sesi yang akan kita pelajari bertemakan “*Menyenangkan Hati Allah*”. Ia diambil sempena gelaran yang diberi kepada Daud sebagai orang yang menyenangkan hati Tuhan. Ia bertujuan untuk mengajar kita untuk menjadi orang yang hidup menyerupai Yesus dan menyenangkan hati Bapa.
14. Kita memulai sesi hari ini dengan menumpukan apakah yang sepatutnya berada di dalam hati kita untuk mempunyai hidup sedemikian, iaitu kesungguhan kita kepada Tuhan. Bagaimanakah kesungguhan ini terbina dan apakah yang terlibat di dalam proses tersebut?

## B. Kesungguhan Allah

- i. (*Rujuk kepada apa yang telah mereka bincangkan dalam Aktiviti Bersama tadi.*)
- ii. Kemudian suruh mereka buka Hosea 2:13-22. Terangkan latar belakang petikan berikut:

*Bangsa Israel menjadi tidak setia kepada TUHAN Allah dan berpaling kepada tuhan-tuhan bangsa-bangsa yang ada di sekeliling mereka. TUHAN memanggil nabi Hosea untuk mengahwini seorang pelacur dan mencintainya meskipun dia berlaku curang. TUHAN menggunakan gambaran ini untuk menerangkan hubungan-Nya dengan umat Israel. Ayat 13-22 menunjukkan sekali lagi bahawa Allah menggunakan hubungan suami isteri sebagai gambaran bagaimana Dia akan memulihkan bangsa tersebut setelah Dia menghukum dosa mereka.*

- iii. Minta mereka untuk fokus kepada Allah serta perasaan-Nya terhadap umat-Nya ketika mereka membaca petikan tersebut.
- iv. Gambaran apakah yang mereka dapati tentang Allah dan kasih-Nya terhadap umat-Nya? Suruh mereka bincangkan ini di dalam kumpulan masing-masing.
- v. Panggil seorang wakil untuk membentangkan hasil perbincangan mereka.
- vi. Ringkaskan seperti berikut dengan menggunakan perkara yang mereka bangkitkan sebentar tadi (jika berkenaan).

### **1. Kesungguhan Allah Melibatkan Perasaan**

- a. Allah menggunakan hubungan suami isteri sebagai gambaran bagi menunjukkan kasihnya terhadap umat manusia.
- b. Dia menggambarkan diri-Nya sebagai seorang sumai yang terpaksa bergumul dengan ketidaksetiaan isteri-Nya.
- c. Meskipun isteri-Nya melarikan diri dengan kekasih lain (tuhan lain), dengan kesungguhan dan kelembutan Allah masih mengasihinya – jika tidak mengapa Dia ingin memujuknya kembali dengan kata-kata yang lembut (*ayat 13*)?
- d. Ayat 17-22 menggambarkan satu majlis perkahwinan. Allah mengasihi umat-Nya sehingga Dia ingin disatukan kembali dengan mereka. Pada kali ini, Dia ingin disatukan dengan mereka selama-lamanya walaupun mereka pernah mempunyai 'kekasih' lain.
- e. Tidak ada manusia yang waras menginginkan pasangan yang pernah berlaku curang lebih daripada sekali, bukan? Walau bagaimanapun, perkara ini tidaklah mustahil jika kasih yang sangat kuat wujud di dalam diri orang tersebut.
- f. Perkara yang ingin disampaikan oleh Tuhan melalui Hosea ialah, dengan kasih yang dalam dan tidak boleh diubah, Dia menyayangi manusia tanpa mengira dosa mereka.
- g. Dia mengasihi mereka seperti seorang suami yang mengasihi isterinya walaupun isterinya tidak setia, dan Tuhan ingin menjadi miliknya buat selama-lamanya.

## 2. Kesungguhan Allah Melibatkan Komitmen

- a. Kasih dan kesungguhan tidak akan bertahan hanya dengan perasaan dan emosi.
- b. Kasih dan kesungguhan Allah berakar dalam satu komitmen untuk yang dikasihi-Nya. Ini dapat dilihat di dalam kasih Allah kepada umat-Nya.
- c. Allah telah membuat perjanjian (*covenant*) dengan Abraham dan Dia memegangnya dengan penuh komitmen. 'Perjanjian' bermaksud 'satu persetujuan rasmi di antara dua atau lebih orang'.
- d. Dia setia dengan mereka walaupun mereka melarikan diri bersama 'kekasih' yang lain (*ayat 17*). Bayangkan kesakitan yang dialami oleh seorang suami atau isteri yang ditinggalkan pasangan mereka. Allah mengalami kesakitan yang sama ketika umat-Nya meninggalkan-Nya dan menigkuti tuhan-tuhan lain.
- e. Walau bagaimanapun, tidak ada perkara yang mampu menggoyahkan komitmen Allah kepada umat-Nya, meskipun Dia ditinggalkan oleh umat-Nya.
- f. Dia telah membuat komitmen untuk menyayangi, memberkati dan menjadikan mereka milik-Nya. (*ayat 20,22*). Walaupun mereka berdosa, Dia akan terus memanggil mereka untuk kembali kepada-Nya.

## 3. Kesungguhan Allah Melibatkan Kesetiaan

- a. Kasih Allah kepada umat-Nya juga melibatkan kesetiaan, mengatasi kasih emosi dan komitmen.
- b. Salah satu perkataan bahasa Ibrani yang sering digunakan di dalam buku Hosea bagi istilah *kasih* ialah *hesed* yang bermaksud 'perjanjian kasih'.
- c. *Hesed* atau 'perjanjian kasih' juga bermaksud kasih setia yang melibatkan keteguhan, kelembutan, kesungguhan dan ketekunan di dalam menunaikan kewajipan di dalam satu perjanjian perhubungan.
- d. Kita dapat melihat *hesed* TUHAN bagi umat-Nya di sini. Walaupun mereka tidak setia kepada-Nya, Dia masih setia di dalam meneruskan hubungan-Nya dengan mereka.
- e. Dengan setia Dia memanggil mereka kembali kepada-Nya dan berjanji untuk menjadi milik mereka untuk selama-lamanya. Dia akan menjadikan mereka milik-Nya dan memberkati mereka (*ayat 20-22*). Dia tidak akan mengingati dosa-dosa mereka (*ayat 16-17*).

### C. Kesungguhan Kita Kepada Allah

1. Kita telah pun mengkaji apakah yang terlibat di dalam kesungguhan Allah terhadap kita. Ketika kita memahami betapa dalamnya kasih Allah terhadap kita, maka dengan cara yang sama kita boleh mengaplikasikan perkara tersebut di dalam hubungan kita bersama-Nya.
2. Untuk mengasihi Allah secara bersungguh-sungguh, kita memerlukan lebih daripada emosi semata-mata. Adalah tidak mencukupi hanya mengatakan “saya mengasihiMu Tuhan”. Bahkan ada di antara kita yang perlu meminta daripada Tuhan supaya kita diberi perasaan terhadap-Nya! Kita boleh mengatakan “saya mengasihiMu Tuhan” tapi sebenarnya perasaan itu tidak wujud, hanya ada di bibir sahaja, bukan?
3. Untuk mempunyai kesungguhan terhadap Allah, kita haruslah mempunyai komitmen sebagaimana Allah mempunyai komitmen terhadap kita.
4. Untuk mempunyai kesungguhan terhadap Allah, kita haruslah setia sebagaimana Dia setia kepada kita.
5. Antara peribadi yang terbaik untuk dicontohi ialah Daud. Dia mengasihi Tuhan dan dia tidak takut untuk menunjukkan emosinya terhadap Allah. (*Minta mereka untuk membaca 2 Samuel 6:12-16, 20-23*)
6. Seringkali kita berasa takut akan pandangan orang lain jika kita menjadi terlalu beremosi ataupun dibuai perasaan ketika menyembah Tuhan. Marilah kita mencontohi Daud dengan tidak mengendahkan perkara tersebut. Menunjukkan kasih kita kepada Allah haruslah menjadi keutamaan bagi kita.
7. Daud juga menjaga komitmennya kepada Allah sepanjang hidupnya walaupun dia telah menjadi seorang raja. Meskipun segala kuasa dan kekayaan menjadi miliknya, dia tetap memegang komitmennya terhadap Allah. Hatinya tidak berpaling kepada tuhan-tuhan lain di dalam hidupnya.
8. Dengan cara yang sama, kita harus menjaga hati kita daripada ‘kekasih’ lain di dalam hidup kita. (*Minta mereka untuk memikirkan apakah perkara yang boleh menjadi idola bagi anak-anak muda zaman sekarang*)
9. Daud kekal setia kepada Allahnya. Walaupun dia berdosa, dia kembali kepada Tuhan di dalam pertobatan (*rujuk cerita Batsheba di dalam 2 Samuel 11*). Anda boleh membaca tentang kesetiaan Allah melalui banyak mazmur yang digubahnya. Walaupun dia berada di dalam keadaan paling hitam di dalam hidupnya, ketika musuh-musuh sedang mengejanya dan rakan serta anaknya sendiri menentangnya, dia tidak mencari bantuan

daripada tuhan-tuhan yang lain. Dia masih meletakkan harapannya kepada TUHAN Allah.

10. Dengan bersungguh-sungguh dia mencari Tuhan, meminta-Nya untuk mengingatkannya dan menjawab doanya. Walaupun Allah seakan-akan berdiam diri, Daud kekal setia terhadap-Nya.
11. Dengan cara yang sama, kita harus setia kepada Allah di dalam susah dan senang kita. Dia mengasihi kita dan mengingkan kita untuk setia dan berharap kepada-Nya walaupun di dalam saat paling sukar di dalam hidup kita.
12. Hati yang penuh dengan kesungguhan harus ada di dalam hidup seorang Kristian – hati yang mengasihi Tuhan, mempunyai komitmen kepada-Nya dan kekal setia tanpa mengira halangan yang berada di hadapan kita.



### Doa

Dalam satu bulatan besar, suruh mereka mendoakan rakan yang berada di sebelah kanan mereka. Berdoa agar mereka bertumbuh dalam kesungguhan mereka kepada Tuhan, mengatasi semua halangan yang telah dikongsikan tadi.

## Sesi 2 : Hati Yang Taat



### Objektif-Objektif Sesi

1. Membandingkan respon dua orang nabi ke atas panggilan mereka daripada Allah.
2. Mempelajari bahawa ketaatan melibatkan kita memilih untuk mengikuti Tuhan serta membenarkan Dia untuk melakukan apa yang diinginkan-Nya.
3. Memeriksa bahagian di dalam hidup yang mereka dapati sukar untuk menjadi taat.



### Pencetus Minat/Aktiviti Bersama

#### Bermasalah Dengan Peraturan?

1. Tujuan aktiviti ini ialah untuk mengenal pasti pergumulan yang dihadapi oleh mereka berkaitan dengan peraturan.
2. Bahagikan mereka kepada beberapa kumpulan.
3. Edarkan sekeping kertas dan sebatang pensel kepada setiap kumpulan.
4. Suruh mereka bincangkan:
  - Beberapa peraturan sekolah atau tempat kerja yang sukar dipatuhi
  - Mengapa mereka berasa sedemikian.
  - Apa yang boleh dilakukan agar mereka lebih selesa dan bersedia mematuhi peraturan tersebut?



### Renungan Firman Tuhan

#### A. Pengenalan

1. Kebanyakan orang muda seperti anda berasa sukar untuk mematuhi peraturan, bukan? (*Biar mereka respon*)
2. Apakah sebab mengapa anda tidak menyukai peraturan tersebut? (*Biar mereka respon*)
3. Anda telah menyentuh situasi-situasi di mana anda akan berasa kurang selesa dan rasa terbebani untuk mematuhi peraturan. (*Rujuk kembali perkara yang telah mereka bangkitkan sebentar tadi*)
4. Adakah apa-apa peraturan yang senang anda turuti? (*Biar mereka respon*)
5. Mengapakah orang ramai mematuhi peraturan walaupun mereka tidak menyukainya? (*Biar mereka respon*)
6. Peraturan dan undang-undang akan sentiasa menjadi salah satu bahagian yang penting di dalam hidup kita. Jika tidak, kita akan



- hidup di dalam kekucar-kaciran.
7. Ia sangat penting untuk membolehkan masyarakat berfungsi dengan baik. Sebagai contoh, bayangkan apa yang akan terjadi jika semua orang tidak mematuhi peraturan jalan raya dan memandu dengan sesuka hati mereka?
  8. Ia juga penting di dalam sesebuah hubungan, terutamanya perhubungan keluarga, untuk memastikannya stabil dan harmoni.
  9. Dalam perhubungan keluarga, ianya bukan tentang mematuhi peraturan tetapi mematuhi orang yang menyediakan peraturan tersebut. Allah telah menentukan urutan di mana orang tua diberikan kuasa dan tanggungjawab untuk menjaga anak mereka.
  10. Menurut rancangan Allah, sebagai anak, kita harus mempunyai tanggungjawab moral untuk mematuhi ibu bapa kita seturut kehendak Allah dengan menjadikan mereka sebagai penjaga kita sehingga sebuah keluarga boleh berfungsi dengan harmoni.
  11. Dengan cara yang sama, sebagai anak-anak Tuhan kita dipanggil untuk kekal taat kepada-Nya kerana Dia ialah Bapa Syurgawi yang berkuasa dan bertanggungjawab ke atas hidup kita.
  12. Apakah maksudnya untuk menjadi taat kepada Allah? Adakah ia bermaksud bahawa kita perlu mematuhi Dia walaupun kita tidak menyukainya?
  13. Inilah yang akan kita bincangkan dalam sesi kali ini.

## B. Hati Yang Taat

- i. Kekalkan mereka di dalam kumpulan yang sama.
- ii. Edarkan sekeping kertas kepada setiap kumpulan.
- iii. Minta mereka untuk membaca Yunus 1:1-3:3, 4:1-4 dan Yehezkiel 2:1-3:11 di dalam kumpulan mereka.
- iv. Jelaskan latar belakang cerita kedua-dua nabi tersebut:

*Niniwe merupakan sebuah kota besar yang sangat terkenal. Ia merupakan ibu kota bagi empayar kerajaan Assyria, musuh bagi Israel. Yunus sangat tidak berpuas hati dengan panggilannya kerana dia membenci orang Assyria. Dia mengetahui bahawa mereka akan bertaubat dan Allah akan mengasihani mereka. (4:2)*

*Yehezkiel hidup beberapa ratus tahun selepas Yunus. Dia merupakan salah seorang warga Israel dalam pembuangan di Babylonia. Allah memanggilnya untuk melayani mereka yang dalam pembuangan serta mereka yang telah kembali ke tanah air. Allah memberikan amaran kepada Yehezkiel bahawa mereka yang akan dilayaninya tidak akan mendengar kata-katanya (3:7).*

- v. Terangkan bahawa anda ingin mereka untuk membandingkan reaksi kedua-dua nabi tersebut kepada panggilan mereka. Minta mereka untuk memberikan tumpuan kepada perkara berikut:
  - *Apakah yang terlibat di dalam panggilan mereka.*
  - *Apakah yang mereka jangkakan akan berlaku.*
  - *Apakah reaksi mereka.*
- vi. Kemudian minta mereka untuk membuat satu kesimpulan mengenai perkara yang terlibat di dalam mentaati Tuhan.
- vii. Pilih seorang daripada setiap kumpulan untuk merekodkan hasil perbincangan, dan seorang lagi untuk membaca hasil perbincangan mereka.
- viii. Ringkaskan seperti berikut dengan menggunakan perkara yang mereka bangkitkan sebentar tadi (jika berkenaan).

'Ketaatan' bermaksud:

### 1. **Sanggup Melakukan Kehendak Allah**

- a. Apakah yang bermain di fikiran anda ketika anda berhadapan dengan kehendak Tuhan? (*Biar mereka respon*)
- b. Selalunya kita akan bergumul dalam:
  - i. Kemampuan untuk melaksanakannya – adakah itu sesuatu yang mustahil, terlalu sukar dsbnya.
  - ii. Keinginan untuk melakukannya
  - iii. Pengorbanan yang harus dilakukan
  - iv. Tidak pasti samada Tuhan akan menyertai kita ataupun tidak.
- c. Tidak kira apapun pergumulan yang kita alami, ia bergantung kepada kesanggupan kita. Kita harus memilih samada kita ingin mentaati Allah dan melakukan kehendak-Nya ataupun tidak. Selalunya, keangkuhan dan sikap mementingkan diri sendiri menghalang kita seperti Yunus.
- d. Yunus tidak menyukai apa yang Tuhan ingin dia lakukan. Dia memilih untuk tidak mengikutinya dan melarikan diri.
- e. Dia tidak berasa gembira untuk berkhotbah kepada musuh orang Israel supaya mereka bertaubat. Allah pasti akan mengampuni mereka dan mereka tidak akan dihukum atas dosa mereka.
- f. Yehezkiel adalah peribadi yang bertentangan dengan Yunus. Walaupun Allah memanggilnya untuk melakukan sesuatu yang kedengaran merbahaya (2:6) dan menjanjikan kesukaran kepadanya (3:7-9), dia memilih untuk mentaati Allah. Dia tidak berdebat dengan Allah tentang kesukaran yang akan dihadapinya ataupun betapa dia tidak menginginkan panggilan

tersebut. Dia kekal taat.

- g. Kita tidak mengetahui apakah yang sedang bermain di fikiran Yehezkiel ketika dia mendapat panggilan tersebut. Walau apapun yang dirasainya, dia memilih untuk mentaati tanpa banyak soal.
- h. Menjadi taat bermaksud memilih untuk melakukan kehendak Allah tanpa mengira perasaan takut dan pergumulan yang kita hadapi. Kita tidak harus mendengar kata hati kita tetapi kita harus mengikuti kehendak Allah.
- i. Menjadi taat bermaksud memilih untuk melakukan kehendak Allah tanpa mengira kesukaran yang akan kita hadapi. Kita tidak perlu risau akan kesukaran yang kita mungkin kita akan hadapi, sebaliknya kita harus mempercayai bahawa Allah akan membantu kita.

## 2. Kesanggupan Membiarkan Allah Melakukan Kehendak-Nya

- a. Salah satu perbezaan di antara kedua orang nabi tersebut ialah Yehezkiel sanggup untuk membiarkan Allah melakukan apa yang diingini-Nya. Dia sanggup untuk mentaati dan meletakkan hasilnya di tangan Allah.
- b. Yehezkiel mampu untuk mempercayai bahawa Allah tahu apa yang sedang dilakukan-Nya. Walaupun dia dikehendaki untuk melakukan perkara yang akan memalukannya, dan melayani mereka yang akan menolaknya, dia masih memilih untuk mentaati Allah. (*Minta mereka untuk merujuk bab 4 dan 5 dalam kitab Yehezkiel untuk perkara 'lebih gila' yang dia harus lakukan*).
- c. Menjadi taat bermaksud mengikuti Allah dan membiarkan Dia melakukan kehendak-Nya kerana Dia lebih mengetahui. Keinginan dan pemahaman kita tidak harus menghalang kerana kita akan memberikan seribu satu alasan mengapa kita tidak harus mentaati Allah.
- d. Di dalam buku Yesaya 55:8-9, Allah berkata bahawa jalan-Nya melebihi jalan kita dan fikiran-Nya melebihi fikiran kita. Adalah mustahil bagi kita untuk mengetahui rancangan Allah kecuali Dia sendiri yang menjelaskannya kepada kita. Walau bagaimanapun, jika Dia tidak berbuat demikian, kita harus tetap mempercayai-Nya dan mengikuti-Nya.
- e. Yunus merupakan peribadi yang bertentangan dengan Yehezkiel. Dia tidak sanggup untuk membiarkan Allah berbelas kasihan kepada orang Assyria kerana dia membenci mereka. Mereka merupakan musuh kepada bangsa Israel dan sangat dikenali dengan kekejaman mereka. Menurut pandangan Yunus, mereka layak untuk dihukum dan tidak diampuni.

- f. Menjadi taat bermaksud mempercayai Allah untuk menjalankan rancangan-Nya walaupun jika ia bertentangan dengan cara kita berfikir.
- g. Di dalam kisah Yunus, Allah tidak melepaskan dia. Dia mengejar Yunus sehingga dia terpaksa akur yang dia tidak mampu untuk melarikan diri daripada kehendak Allah. Dengan berat hati dia menuruti perintah Allah pada akhirnya kerana kita boleh melihat reaksi negatifnya ketika Allah mengampuni rakyat Assyria.
- h. Tidak ada sesiapa pun yang mampu menghalang rancangan Allah (Yesaya 14:27). Jika kita tidak menuruti kehendak-Nya, Dia pasti mengejar kita sehingga kita akur seperti Yunus. Jika kita masih tidak ingin menurutinya, Dia akan memilih orang lain untuk melakukan kehendak-Nya.
- i. Kita memang boleh menjadi seperti Yunus dan melarikan diri daripada Allah. Tapi itu bermaksud yang kita terpaksa melalui masa yang sukar seperti Yunus sehingga kita mentaati Allah.
- j. Tetapi jika kita ingin menjadi orang yang mencari hati Allah, jika kita ingin untuk menyenangkannya, kita harus mempunyai hati yang taat dan tidak membiarkan Allah untuk sentiasa mengejar kita sehingga kita mengikutinya.
- k. Tanpa mengira harga yang harus kita bayar, Allah memanggil kita untuk menjadi taat seperti Yehezkiel, membiarkan-Nya untuk menentukan apa yang harus kita lakukan. Dengan itu, kita akan menjadi manusia yang menyenangkan-Nya dan hati Bapa.



### **Doa**

Galakkan mereka untuk berdoa supaya mereka belajar untuk hidup di dalam mentaati Allah, memilih untuk mengikutinya dan mempercayai-Nya ketika Dia memanggil mereka untuk berjalan lebih intim dengan-Nya.

## Sesi 3 : Hati Yang Beriman



### Objektif-Objektif Sesi

1. Mengkaji apakah maksud iman menerusi kisah hidup Abraham.
2. Mengenal pasti bahawa maksud iman ialah mempercayai Allah dan peribadi-Nya serta Firman-Nya.
3. Mencari jalan untuk bertumbuh sebagai orang yang beriman.



### Pencetus Minat / Aktiviti Bersama

#### “Jatuh” dengan iman.

1. Aktiviti ini bertujuan untuk mengkaji sejauh mana iman para peserta terhadap rakan-rakan untuk menangkap mereka ketika jatuh.
2. Panggil seorang sukarelawan yang lebih rendah daripada anda.
3. Minta orang tersebut untuk berdiri membelakangi anda.
4. Langkah pertama: Tanya orang tersebut jika dia mempunyai iman terhadap kekuatan anda untuk menangkapnya ketika dia jatuh ke belakang.
5. Langkah kedua: Jika dia memberikan jawapan yang positif, (jika tidak, yakinkan dia!), adakah dia bersedia untuk disambut jika dia benar-benar jatuh?
6. Langkah ketiga: Yakinkan dia untuk jatuh ke belakang dalam kiraan tujuh. Dia harus meluruskan badannya ketika berbuat demikian.
7. Sediakan diri anda untuk menyambutnya tetapi anda hanya boleh menyambutnya ketika dia berada di dalam lingkungan 45 darjah sebelum menyentuh tanah. Kebanyakan orang akan melenturkan lututnya ataupun menghalang dirinya kerana takut terjatuh.
8. Bila sudah selesai, bahagikan para peserta kepada berpasangan dan suruh mereka berbincang tentang:
  - (a) keyakinan (langkah 1)
  - (b) percaya (langkah 2) dan
  - (c) bertindak di dalam kepercayaan tersebut (langkah 3).



### Renungan Firman Tuhan

#### A. Pengenalan

1. Daripada aktiviti tadi, anda menyedari bahawa mempercayai sesuatu dan melakukan perkara tersebut ialah dua perkara yang berbeza.
2. Mempercayai sesuatu atau seseorang ialah langkah pertama untuk

mempunyai iman terhadap mereka.

3. Percaya dan beriman bukanlah perkara yang sama.
4. Beriman bermaksud mempunyai keyakinan dan kepercayaan bahawa anda boleh melakukannya. Kerana imanlah anda berani untuk jatuh dan disambut oleh rakan anda.
5. Begitu juga dengan beriman kepada Allah. Mempercayai semua yang telah dilakukan-Nya untuk anda hanyalah langkah pertama untuk memulai hubungan anda dengan-Nya.
6. 'Percaya' sering kekal di fikiran anda. Ia hanya akan menjadi iman sekiranya anda sanggup bertindak untuk melakukannya.
7. Iman sangat penting di dalam hubungan anda dengan Allah. Tanpa iman, anda hanya akan mempercayai-Nya di dalam fikiran anda. Anda memerlukan iman untuk mengalami realitinya di dalam hidup anda – siapa Dia dan apa yang akan melakukannya untuk anda.
8. Sama seperti aktiviti sebentar tadi, anda tidak akan merasai betapa benar firman-Nya sehingga anda sanggup untuk bertindak mengikutinya.
9. Sesi pada kali ini akan membincangkan perkara tersebut dengan lebih terperinci.

## B. Hati Yang Beriman

### **Drama di dalam kehidupan sebenar**

- i. Bahagikan mereka yang hadir di dalam beberapa kumpulan.
- ii. Arahkan mereka untuk merujuk dan membaca Kejadian 22:1-19.
- iii. Beritahu mereka bahawa anda ingin mereka untuk melakonkan semula cerita ini di dalam satu sketsa kecil. Mereka boleh menambah sedikit elemen-elemen semasa jika mereka mahu. Berikan mereka kebebasan untuk menjadikan cerita tersebut menarik.
- iv. Minta mereka untuk memberikan tumpuan khusus terhadap perasaan Isyak dan Abraham; apakah yang sedang bermain di dalam fikiran mereka berdua?
- v. Anda juga boleh membawa sedikit peralatan seperti pisau pemotong daging(!), tali dll.
- vi. Biar semua kumpulan melakonkan drama mereka.

### **Sesuatu Yang Eksklusif**

- i. Katakan kepada mereka bahawa anda ingin menemu-ramah watak-watak utama yang terlibat.
- ii. Kepada semua *Abraham*:
  - a. Apakah perasaan anda ketika anda diarahkan untuk menyembelih anak anda?

- b. Mengapakah anda menuruti perintah tersebut dan apakah halangan-halangan yang terpaksa anda hadapi?
- c. Apakah perasaan anda terhadap Allah pada ketika itu?
- iii. Kepada semua *Isyak*:
  - a. Apakah perasaan anda ketika anda mengetahui anda adalah korban yang akan disembelih?
  - b. Apakah perasaan anda ketika mengetahui ayah anda sendiri yang akan menyembelih anda atas arahan Allah?
  - c. Bagaimanakah perasaan anda terhadap Allah dan ayah anda masa tersebut?
- iv. Arahkan mereka untuk merujuk Ibrani 11:1-12, 17-19; Roma 4:18-22 dan berbincang di dalam kumpulan masing-masing tentang teladan yang dapat dipelajari di dalam cerita Abraham dan imannya serta maksud beriman kepada Tuhan.
- v. Panggil seorang sukarelawan untuk membentangkan hasil perbincangan mereka.
- vi. Ringkaskan seperti berikut dengan menggunakan perkara yang mereka bangkitkan sebentar tadi (jika berkenaan).

### 1. Iman Bererti Mempercayai Siapa Allah

- a. Sebagai seorang Kristian, apa yang penting ialah bukan iman tetapi objek bagi iman kita – TUHAN Allah sendiri.
- b. Bagi Abraham, imannya berada di dalam keyakinannya terhadap Allah.
- c. Dia memahami bahawa Allah yang memanggilnya keluar dari kampung halamannya. Allah yang menjanjikan baginya untuk menjadi bapa kepada segala bangsa ialah Tuhan Maha Agung yang wujud sejak dari dulu.
- d. Jika ini ialah Allah yang telah memanggilnya, apakah yang mustahil bagi-Nya? Abraham sanggup untuk menyerahkan segalanya kepada apa yang difimankan Allah kerana Dia ialah TUHAN.
- e. Abraham mempercayai dan mentaati Allah tanpa sebarang soalan.
- f. Walaupun sukar untuk mempercayai bahawa Abraham dan Sarah akan mempunyai anak di usia lanjut mereka, Abraham beriman bahawa Allah akan melakukan keajaiban baginya. Dia percaya bahawa Allah tidak akan gagal di dalam menunaikan janji-Nya (*Roma 4:18-21*). Imannya merupakan iman yang tidak goyah di hadapan Allah.
- g. Iman bermaksud mempercayai Allah dan firman-Nya, yakin yang Dia tidak akan menggagalkan kita kerana Dia ialah Tuhan (*Ibrani 11:6*)

h. Ia juga bermaksud untuk menjadi yakin kepada harapan kita walaupun kita tidak dapat melihat-Nya kerana segalanya bergantung kepada Allah (*Ibrani 11:1*)

## 2. Iman Bererti Mempercayai Firman Allah

- a. Mengapakah Abraham sanggup untuk mengorbankan anak tunggalnya walaupun segala janji Allah terhadapnya akan musnah jika dia berbuat demikian? (*Biar mereka respon*)
- b. Ibrani 11:1-7 memberikan kita penjelasan kepada pemikiran Abraham. Abraham mempercayai bahawa Allah pasti akan menunaikan janji-Nya. Dia berfikiran bahawa Allah akan membangkitkan Isyak daripada kematian untuk menunaikan janji-Nya.
- c. Abraham tidak mempunyai sebarang keraguan Allah mampu dan akan menunaikan janji-Nya. Oleh yang demikian, dia langsung tidak mempunyai sebarang masalah untuk mentaati Tuhan. Allah ialah Tuhan, Dia mengetahui apa yang terbaik dan Dia pasti akan menunaikan kata-kata-Nya.
- d. Oleh sebab itu, Abraham beriman dan bertindak menurut kehendak Allah.
- e. Iman bermaksud – mempunyai keyakinan terhadap Allah seperti seorang anak kecil, percaya serta berkebolehan untuk bertindak dan menyerahkan segalanya serta mengikutinya dengan sukarela dan penuh ketaatan.
- f. Hati yang beriman menyenangkan Allah. Kerana tanpa iman, seperti yang tertulis di dalam buku Ibrani, adalah mustahil bagi kita untuk menyenangkan Allah.
- g. Abraham mempunyai hati yang beriman. Oleh yang demikian Allah sangat gembira untuk menjadikannya bapa kepada semua bangsa yang satu hari nanti akan menjadi anak-anak Allah.



### Doa

Suruh mereka berdoa agar Tuhan membantu mereka untuk bertumbuh menjadi orang yang beriman, supaya kehidupan mereka menyenangkan Tuhan serta dipakai oleh-Nya untuk memberkati orang lain.



## Sesi 4 : Hati Yang Berintegriti



### Objektif-Objektif Sesi

1. Mengkaji maksud “integriti”
2. Mengkaji bagaimana Daniel hidup di dalam integriti walaupun berada di dalam kesukaran.
3. Membincangkan bagaimana mereka dapat mengamalkan integriti di dalam hidup mereka.



### Pencetus Minat / Aktiviti Bersama

#### Dilema moral

1. Aktiviti ini bertujuan untuk membincangkan apakah yang akan dilakukan oleh mereka apabila berhadapan dengan situasi di mana mereka harus membuat pilihan untuk melakukan tindakan yang betul.
2. Bahagikan para peserta kepada beberapa kumpulan.
3. Suruh mereka buat “Dilema Moral” seperti yang didapati dalam Lembar Kerja mereka.
4. Arahkan mereka untuk membaca dan memikirkan apakah yang akan mereka lakukan jika mereka berada di situasi demikian. Minta mereka untuk memberikan alasan bagi tindakan mereka.
5. Kemudian panggil beberapa orang untuk mengongsikan tindakan pilihan serta alasan mereka kepada semua yang hadir.



### Renungan Firman Tuhan

#### A. Pendahuluan

1. Kita menghadapi banyak situasi di dalam kehidupan seharian, bukan? (*Biar mereka respon*)
2. Kadangkala ia mudah bagi kita untuk menentukan hitam dan putih - perkara yang patut dan tidak patut untuk dilakukan. Walau bagaimanapun, terdapat perkara yang berada di ‘kawasan kelabu’ dan sukar bagi kita untuk membuat keputusan.
3. Di kebanyakan masa, kita berhadapan dengan kesulitan membuat keputusan disebabkan oleh sifat kita yang penuh dengan dosa. Jika kita boleh mendapatkan keuntungan daripada sesuatu, kita akan melakukannya.
4. Terdapat satu pepatah Cina mengatakan “perkara tersebut boleh dilakukan asalkan anda boleh terlepas daripadanya dan tidak memudaratkan orang lain.”

5. Dalam konsep Asia moden, ukuran betul dan salah sudah tidak mengikuti etika yang benar.
6. Oleh yang demikian, merasuah polis bukanlah sesuatu yang salah asalkan anda tidak tertangkap di dalam melakukan perkara tersebut. Begitu juga dengan juru kira yang membuat kesilapan asalkan dia menerima keuntungan.
7. Sebagai umat Allah, bagaimanakah seharusnya kita bertindak? Adakah kita harus mengikuti budaya kita jika ia memenuhi keperluan kita? (*Biar mereka respon*)
8. Kita tahu bahawa Allah memanggil kita untuk hidup yang mencerminkan diri-Nya – kasih, kebaikan dan juga kebenaran-Nya. Jika Allah ialah Tuhan yang benar dan tidak mempunyai kesalahan, demikian jugalah dengan anak-anak-Nya.
9. Perkara inilah yang ingin kita bincangkan di dalam sesi kali ini – memahami apakah maksud hidup yang berintegriti dan menyenangkan Tuhan.

## B. Apakah Maksud Integriti?

### ***Menerokai isu tersebut***

- i. Minta seseorang untuk mendefinisikan istilah 'integriti'.
- ii. Integriti bermaksud 'keteguhan di dalam keperibadian, dasar, kejujuran, dan amanah'. Bagaimanakah hidup seorang yang berintegriti? (*Biar mereka respon*)
- iii. Kemudian simpulkan seperti berikut:

1. Untuk bertindak di dalam integriti, anda harus mempunyai pendirian anda sendiri mengenai perkara yang betul dan salah. Dengan itu, jika anda berada di dalam situasi yang tidak menentu, anda boleh bertindak menurut pendirian anda.
2. Ia seperti mengetahui peraturan sesuatu permainan sebelum bermain. Jika anda menipu ataupun melanggar peraturan, maka anda tidak bermain dengan integriti, walaupun ia hanya sekadar permainan.
3. Sebagai seorang Kristian, ukuran betul dan salah kita datang daripada Allah sendiri. Kita harus mengetahui perkara yang baik dan jahat di mata-Nya sebelum kita boleh bertindak di dalam integriti.
4. Kadang-kala, kesukaran untuk membuat pilihan terjadi disebabkan sukar bagi kita untuk melakukan perkara yang benar walaupun kita mengetahui apa yang harus dilakukan.
5. Mari kita memperelajari apakah maksud hidup di dalam integriti yang menyenangkan Tuhan.

### C. Hati Yang Berintegriti.

- i. Kekalkan mereka di dalam kumpulan yang sama.
- ii. Suruh mereka membaca Daniel 6.
- iii. Agihkan watak-watak berikut kepada setiap kumpulan: *Daniel, Raja Darius dan pembesar diraja.*
- iv. Edarkan sekeping kertas dan sebatang pensel kepada setiap kumpulan.
- v. Jelaskan bahawa anda menginginkan setiap kumpulan untuk membuat satu senarai pendirian yang diamalkan oleh watak mereka. Sebagai contoh, salah satu dasar yang diamalkan oleh pembesar-pembesar tersebut ialah 'hapuskan mereka yang lebih baik daripada anda'.
- vi. Kemudian arahkan mereka untuk mengongsikan hasil kerja mereka dengan semua yang hadir.
- vii. Bandingkan senarai milik Daniel kepada yang lain. Apakah yang kita dapat belajar daripada Daniel?
- viii. Minta mereka menjelaskan bagaimana Allah membalas integriti ketiga-tiga watak tersebut.
- ix. Simpulkan hasil perbincangan seperti berikut:

#### 1. Mempunyai Integriti Bererti Mengamalkan Apa Yang Anda Percaya

- a. Daniel mengikuti TUHAN dengan bersungguh-sungguh. Kita boleh melihat sifat tersebut di dalam bab yang pertama di mana dia dan tiga orang rakannya menolak makanan yang diharamkan bagi orang Israel kerana mereka tidak ingin mengingkari TUHAN.
- b. Tidak ada yang palsu di dalam diri Daniel. Dia berusaha untuk hidup benar sebagaimana yang telah diarahkan oleh Tuhan. Oleh yang demikian, ketika para pembesar diraja ingin memburuk-burukkan Daniel, mereka tidak mampu mencari sebarang kesalahan di dalam dirinya. Ini disebabkan oleh ketulusan, amanah dan kecekapan di dalam setiap perkara yang dilakukannya (Daniel 6:4).
- c. Oleh kerana Daniel mengamalkan apa yang dipercayainya, dia dilihat oleh orang ramai sebagai orang yang berintegriti, hidup di dalam kebenaran dan amanah.
- d. Sesetengah orang mungkin tidak akan menyukainya, seperti para pembesar diraja. Walau bagaimanapun orang ramai akan menghormati orang yang berintegriti. Di dalam kesukaran, orang jenis apakah yang anda akan cari – mereka yang seperti pembesar diraja ataupun Daniel? (*Biar mereka respon*)
- e. Apakah yang akan dilakukan oleh orang yang tidak berintegriti ketika berada di dalam suatu masalah? (*Biar mereka respon*)

- f. Bandingkan sikap Daniel kepada para pembesar diraja tersebut. (*Rujuk kepada perkara yang mereka bangkitkan sebentar tadi*)
- g. Mereka lansung tidak mempunyai integriti kerana tujuan mereka memaksa Raja menandatangani titah yang baru ialah untuk memerangkap Daniel dan menghapuskannya. Ini adalah disebabkan oleh perasaan cemburu mereka terhadap Daniel dan bukan kerana Daniel seorang yang korup (6:5).
- h. Anda tidak akan mempercayai orang yang tidak berintegriti, walaupun mereka ialah rakan karib anda. Mereka yang tidak berintegriti berkemungkinan akan mengkhianati semua orang demi kepentingan mereka.
- i. Oleh kerana tindakan mereka yang tidak adil, akhirnya Allah akan menghukum mereka juga.

## **2. Mempunyai Integriti Bererti Tidak Mengkompromikan Kepercayaan Anda**

- a. Antara perkara lain yang menonjol di dalam diri Daniel ialah kepercayaan dan komitmennya kepada Tuhan yang tidak goyah walaupun situasi di sekelilingnya berubah.
- b. Bahkan dia masih meneruskan kebiasaannya untuk berdoa walaupun dengan berbuat demikian nyawanya terancam (6:10).
- c. Integriti seseorang bergantung kepada pendirian dan kepercayaannya jika dia berfikir dia adalah benar, tanpa mengira apa yang dikatakan oleh orang di sekeliling mereka. Inilah yang menyebabkan mereka yang berintegriti boleh dipercayai dan diharap.
- d. Raja Darius gagal di bahagian ini. Dia membenarkan dirinya dipujuk oleh para pembesar untuk menghukum Daniel walaupun mengetahui dia tidak bersalah. Dia lebih mementingkan maruah daripada kejujurannya.
- e. Integriti bermaksud tidak berkompromi dan mengubah tindakan anda. Sebaliknya dengan tekun meneruskan komitmen anda walaupun keadaan tidak mengizinkan.
- f. Oleh kerana integriti Daniel, Allah dimuliakan. Ketika Raja Darius melihat bagaimana Allah telah menyelamatkan Daniel, Dia mentitahkan supaya semua orang di kerajaannya untuk menghormati Tuhan orang Israel.
- g. Kesetiaan Daniel mengubah hidup raja Darius. Integriti anda juga boleh mengubah hidup rakan anda.
- h. Mungkin bagi anda, hidup yang berintegriti bermaksud bertahan dengan pendirian dan tindakan walaupun orang di sekeliling tidak bersetuju dengan anda. Ia bermaksud untuk berpegang dengan kepercayaan anda walaupun anda akan dipandang

serong oleh rakan-rakan.

- i. Mereka yang tidak berintegriti tidak mempunyai pendirian dan sering menukar fikiran mengikut keadaan.



### **Doa**

Suruh mereka berdoa agar Tuhan membantu mereka untuk menjadi seorang yang berintegriti. Berdoa juga agar mereka dapat hidup dengan layak di hadapan Tuhan dan menyenangkan-Nya.

## Sesi 5 : Hati Yang Global



### Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami bahawa keinginan hati Allah ialah supaya setiap manusia di bumi ini mendengar Berita Baik-Nya dan mereka akan diselamatkan.
2. Menyedari kata-kata perpisahan Yesus supaya pergi ke seluruh dunia untuk memberitakan Injil.
3. Mengetahui bahawa gereja belum lagi memenuhi misinya untuk membawa Injil ke seluruh pelusuk dunia.
4. Memikirkan bagaimana mereka boleh terlibat dalam menyahut panggilan Tuhan untuk memberitakan Injil kepada bangsa-bangsa.



### Pencetus Minat / Aktiviti Bersama

#### Kata-kata Perpisahan

Dalam kumpulan 4-5 orang, bincangkan:

Bayangkan keluarga anda akan berhijrah ke luar Negara. Dan hari ini adalah hari terakhir anda bersama dengan persekutuan belia ini sebelum anda meninggalkan mereka. Anda diminta untuk mengucapkan sesuatu sebelum anda pergi. Apakah kata kata perpisahan yang akan anda ucapkan untuk persekutuan ini?



### Renungan Firman Tuhan

#### A. Pengenalan

1. Sejauh manakah anda mengetahui tentang dunia sekeliling anda? *(Biar mereka respon)*
2. Apakah sungai terpanjang di dunia? Negara mana yang mempunyai paling ramai penduduk dan berapa ramai? Bahagian dunia manakah yang dikenali sebagai "Jendela 10/40"? *(Biar mereka respon)*
3. Amat mudah bagi kita disibukkan dengan rutin kehidupan kita seperti masuk kerja, ke sekolah, sibuk dengan aktiviti harian dan keluarga – sehingga kita tidak ambil peduli atau mengambil tahu tentang dunia persekitaran atau negara luar.
4. Umumnya, kebanyakan kita lemah dalam pengetahuan am tentang

- dunia luar, bukan?.
5. Kita tidak berpengetahuan tentang budaya dan bangsa lain, apa lagi mengetahui tentang peristiwa yang berlaku di dunia.
  6. Sebagai umat Allah, kita mempunyai tanggungjawab untuk mengetahui tentang manusia dan dunia persekitaran kita.
  7. Jika kita tidak melakukannya, bagaimana kita boleh mengambil bahagian dalam rancangan Allah untuk dunia dan manusia ciptaan-Nya?
  8. Inilah yang akan kita bincangkan dalam sesi hari ini. Ia akan mencabar kita untuk memikirkan rancangan Tuhan untuk kita, supaya kita memiliki hati untuk manusia dan dunia ciptaan Tuhan.

## **B. Menjangkau Bangsa-bangsa**

1. Jika anda tahu bahawa sebentar lagi anda tidak akan melihat orang yang anda kasihi, anda pasti akan berkongsi apa yang ada di lubuk hati anda, bukan? (*Rujuk kepada apa yang mereka kongsi di Aktiviti Bersama*).
2. Ucapan perpisahan seseorang harus diberikan perhatian kerana itu mencerminkan perkara yang penting baginya. Dia menggongsikan hal tersebut kerana dia tahu bahawa ini mungkin kesempatan terakhir baginya untuk mengatakan sesuatu kepada orang-orang yang dia kasihi.
3. Begitu jugalah jika kita mahu tahu isi hati Yesus dengan lebih dekat lagi, kita harus memperhatikan kata-kata perpisahan-Nya kepada murid-murid-Nya sebelum Dia diangkat ke syurga untuk bersama Allah Bapa.
4. Ada dua perkara yang sangat dekat di hati Yesus:

### **1. Memberitakan Injil**

- a. Kata-kata terakhir Yesus kepada murid-murid-Nya pada dasarnya adalah satu perintah.
- b. Dia memberitahu mereka untuk menjadi saksi bagi Dia (Lukas 24:47-48), untuk pergi dan memberitakan Berita Baik (Markus 16:15), menjadikan semua bangsa sebagai murid-Nya, dan mengajar mereka untuk mentaati apa yang telah Dia ajarkan kepada mereka. (Matius 28:19-20)
- c. Yesus telah mati untuk mengampuni dosa-dosa manusia dan Dia menawarkan satu hadiah yang percuma - kehidupan yang kekal. Inilah Berita Baik yang mulia yang harus diberitakan ke segenap dunia.
- d. Perintah-Nya adalah untuk pergi. Bukan hanya mendiamkan diri

dan menyimpan kebenaran firman Allah dan berkat untuk diri sendiri. Kita yang mempunyai pengalaman dengan Allah dalam kehidupan ini harus pergi untuk menjadi saksi bagi-Nya.

- e. Inilah yang seharusnya selalu dan sentiasa menjadi misi utama gereja, iaitu untuk pergi atau keluar dan berkongsi Berita Baik tentang apa yang telah dilakukan Allah kepada manusia yang dikasihi-Nya, dan mengajar mereka untuk menjadi murid-murid-Nya.
- f. Berita Baik Allah harus dikongsikan dan diberitakan supaya setiap manusia boleh mengenal Dia dan menjadi murid-Nya.

## **2. Membawa Injil Kepada Semua Bangsa**

- a. Bahagian kedua perintah Yesus ialah memberitakan Injil ke seluruh pelusuk dunia (suku bangsa). (Markus 16:15)
- b. Dalam Matius, perkataan untuk bangsa, atau 'ethne' adalah satu istilah Yunani untuk suku-suku bangsa. (Matius 28:19)
- c. Yesus memerintahkan untuk membawa Injil-Nya ke luar dari bangsa Yahudi di Yerusalem kepada setiap suku bangsa yang belum mendengar tentang Dia.
- d. (*Minta mereka baca 2 Petrus 3:9*)
- e. Keinginan hati Allah ialah supaya setiap orang diberi peluang untuk mendengar Injil kebenaran-Nya dan bertaubat. Dia tidak mahu manusia dihalang dan ditolak daripada memasuki kerajaan-Nya. Dia mahu supaya setiap orang kembali kepada-Nya.
- f. Oleh itu misi gereja adalah untuk memberitakan Injil Kebenaran Allah kepada setiap suku bangsa di dunia.
- g. Alkitab mengatakan bahawa Yesus tidak akan kembali selagi Injil tidak diberitakan kepada semua orang di seluruh dunia. (*Minta mereka merujuk Matius 24:14*)
- h. Maka tugas utama gereja dan Kristian ialah untuk memiliki kasih Allah untuk semua bangsa di dunia dan memberitakan Injil kebenaran yang boleh mengubah kehidupan mereka untuk selama-lamanya.

## **C. Hati Untuk Bangsa-Bangsa**

### **Tahukah Anda?**

(Diperlukan: kertas, pensil, peta dunia)

- i. Biar mereka dalam kumpulan 4-5 orang.
- ii. Edarkan beberapa keeping kertas pada setiap kumpulan.
- iii. Jelaskan bahawa anda akan membacakan beberapa soalan untuk mengetahui sejauh mana mereka mengetahui tentang



dunia. Statistik yang digunakan disini dikeluarkan oleh Wycliffe Bible Translators pada awal tahun 2001. Anda mungkin perlu mengemaskinikan maklumat jika anda mengetahui data-data terbaru.

- iv. Mungkin akan banyak membantu sekiranya para peserta dapat melihat sebuah peta dunia.
- v. Bacakan yang berikut dan minta mereka menjawab (jawabannya ialah yang telah digaris)

- Berapakah jumlah penduduk dunia sekarang?  
Lebih 4 billion Lebih 6 billion Lebih 8 billion
- Dianggarkan masih ada \_\_\_\_\_ manusia yang langsung belum mendengar Injil.  
500 juta            3 billion            1 billion
- Berapa banyak bahasa-bahasa di dunia?  
Sekitar 6,800    Sekitar 4,200    Sekitar 9,300
- Daripada bahasa-bahasa ini, ada berapa banyak bahasa Alkitab telah diterjemahkan (Samada Perjanjian Baru sahaja, atau sebahagian daripada Alkitab)  
Sekitar 1,000    Sekitar 400    Sekitar 3,500
- Pada tahun 2001, ada berapa ramai suku-suku bangsa yang belum mempunyai Alkitab didalam bahasa mereka?  
Sekitar 3,000 (380 juta orang)    Sekitar 1,000  
Sekitar 900

1. Tidakkah ini sangat mengejutkan setelah lebih dari 2000 tahun, Injil belum lagi diberitakan ke seluruh dunia? Masih ada sekitar 1 billion orang yang belum atau langsung tidak pernah mendengar Injil!
2. Pada tahun 2000, dianggarkan ada sekitar 2.1 billion orang Kristian daripada 6 billion jumlah penduduk di dunia.
3. Walau bagaimanapun, ini hanyalah orang-orang yang mengaku sebagai Kristian. Jumlah sebenar orang yang percaya dan menjalankan kehidupan mereka sebagai murid Kristus adalah sangat sedikit sekali.
4. Agama yang paling cepat bertumbuh dan berkembang pada masa kini adalah agama Islam. Dianggarkan ada 1.2 billion orang Islam.
5. Ada lebih daripada 1 billion orang yang beragama Buddha atau yang mempercayai dan mengamalkan kepercayaan tradisional Cina; 850 juta orang beragama Hindu, terutamanya di India; dan

ada 230 juta orang yang mengaku sebagai atheis (tidak mempercayai adanya Tuhan).

6. Kajian menunjukkan bahawa suku-suku bangsa yang belum lagi dijangkau oleh Injil Kristus terletak di negara-negara antara latitude (garislintang) 10 darjah di Utara dan 40 darjah di Selatan. Ia meliputi kawasan Utara Afrika, seluruh kawasan Timur Tengah (Arab) dan sebahagian besar Asia. Ini ialah kawasan yang selalu dikenali sebagai "Jendela 10/40".
7. Dalam Jendela 10/40 ini, ada 1.1. billion orang yang tidak akan pernah mendengar Berita Baik Injil Kristus kecuali ada seseorang yang pergi untuk memberitakannya. Ada lebih daripada 500 suku bangsa yang belum pernah mendengar Injil.
8. 86% suku-suku bangsa di dunia ini tinggal di kawasan 10/40, di mana kurang daripada 2% adalah Kristian.
9. 80% orang-orang termiskin di dunia tinggal di jendela ini.
10. Masih ada lebih kurang 3,000 suku bangsa, sekitar 380 juta orang, yang masih belum mempunyai Firman Tuhan dicetak dalam bahasa mereka.
11. Statistik ini sangat meruncingkan, bukan?
12. Kebanyakan kehidupan kita adalah sangat selesa sehingga kita menjadi sangat puas dan tidak menghiraukan panggilan Tuhan dalam hidup kita untuk menjangkau bangsa-bangsa, terutama mereka yang belum pernah mendengar tentang Dia dan tidak mempunyai peluang untuk menerima berkat daripada-Nya.
13. Kita tidak menghargai apa yang kita ada. Begitu banyak Alkitab yang kita boleh miliki (terutama dalam Bahasa Inggeris) dalam pelbagai versi. Bahkan ada di antara kita yang memiliki lebih daripada satu Alkitab walaupun mereka hanya mengumpul debu!
14. Kita tidak sedar bahawa begitu banyak orang yang langsung tidak memiliki apa-apa Firman Tuhan, atau melihat bagaimana rupa sebuah Alkitab! Kebanyakan mereka langsung tidak akan mengerti Bible/Alkitab sebab ianya bukan dalam bahasa mereka!
15. Jadi, cabaran di hadapan kita begitu besar. Kita yang memanggil diri kita sebagai orang Kristian dan anak-anak Tuhan harus sedar bahawa nadi hati Allah ialah untuk orang-orang yang belum mengenali-Nya mempunyai peluang untuk mengetahui-Nya.
16. Kita harus sentiasa mengingatkan diri kita bahawa Allah juga

mengasihi mereka sama seperti Dia mengasihi kita. Perbezaan yang ada di antara kita dengan mereka ialah, kita telahpun diberkati kerana kita telah mendahului mendengar tentang Berita Baik Kristus dan berpeluang mengenal Dia!



## Renungan Peribadi


Beberapa cara yang mereka boleh lakukan dalam membantu menjangkau suku-suku belum terjangkau ialah:

- i. Mengangkat dan mendukung seorang atau dua orang missionaris.
- ii. Mendukung organisasi misi yang melayani suku-suku belum terjangkau.
- iii. Mendoakan atau menulis kepada missionaris.
- iv. Membantu mengangkat kanak-kanak daripada sebuah negara termiskin.
- v. Membuat satu projek yang mengkaji beberapa suku belum terjangkau.



## Doa

Berdoa khusus untuk negara-negara di Jendela 10/40. Doakan untuk missionaris dan organisasi Kristian yang bekerja di kalangan mereka, penyelamatan bagi suku-suku dan keselamatan serta kesejahteraan misinaris di kalangan mereka.



## Sesi 6: Hati Yang Berbelas Kasihan



### Objektif-Objektif Sesi

1. Mengetahui reaksi mereka terhadap orang-orang di sekitar mereka yang memerlukan.
2. Mempelajari bahawa Yesus melepaskan semua yang Dia miliki untuk datang di tengah-tengah kita untuk menderita dengan kita dan melayani kita.
3. Menyedari bahawa Tuhan mahu kasih dan belas kasihan-Nya untuk dunia ini dicontohi oleh kita yang sudah percaya dan mengikuti Kristus.
4. Membincangkan cara-cara praktikal yang boleh mereka lakukan untuk memupuk hati yang penuh dengan belas kasihan kepada orang-orang yang memerlukan.



### Pencetus Minat

Tujuan aktiviti ini adalah supaya para peserta 'mengotorkan' tangan mereka.

1. Bahagikan mereka pada kumpulan 2-3 orang.
2. Sediakan satu senarai tugas-tugas yang biasanya mereka tidak akan lakukan. Tuliskan satu tugas untuk setiap cebisan kertas dan tampalkannya di beberapa sudut kelas.
3. Suruh setiap kumpulan memilih daripada tugas-tugas yang tersenerai dan melakukan tugas yang telah disediakan.
4. Beri mereka beberapa waktu untuk menyelesaikannya. (contohnya 5 minit).
5. Tanya mereka apakah perasaan mereka sewaktu memilih dan melakukan tugas tersebut.
6. Aktiviti yang boleh mereka lakukan ialah: mencuci tandas, menyapu salah satu bilik, mengemaskan almari, membersihkan cermin kereta anda, dan sebagainya



### Renungan Firman Tuhan

#### A. Pengenalan

1. Biasanya kebanyakan daripada kita tidak suka untuk melakukan hal-hal yang melibatkan banyak kerja, atau pekerjaan yang akan membuatkan tangan kita 'kotor', bukan? (*Rujuk kepada beberapa*

alasan yang mereka berikan dalam **Pencetus Minat tadi**)

2. Manusia pada dasarnya sangat pemurah untuk diri sendiri. Kita akan melakukan perkara-perkara yang menyenangkan atau akan membantu diri kita sendiri, daripada cuba menjangkau dan membantu orang lain.
3. Jika kita mempunyai pilihan, kebanyakan daripada kita akan selalu memilih yang paling mudah dan kurang menuntut komitmen.
4. Dalam sesi sebelumnya kita telah mempelajari tentang hati Allah bagi orang-orang yang dikasihi-Nya. Kita telah mengetahui bahawa Allah mahu setiap orang dibebaskan dari dosa-dosa mereka dan Dia menawarkan kehidupan baru melalui Yesus Kristus.
5. Bagaimanapun, penyelamatan bukanlah satu-satunya perhatian Allah untuk orang-orang di dunia.
6. Dia juga begitu prihatin tentang kehidupan yang mereka sedang lalui sekarang.

## **B. Hati Kristus**

1. Setiap kita akan memberi respon yang berbeza kepada orang-orang yang memerlukan.
2. Ada di antara kita merasa berbelas kasihan kepada mereka; ada juga yang tidak begitu tersentuh. Ada pula yang merasa bersalah kerana kita tidak bertindak untuk membantu. (*Rujuk kepada respon mereka dalam **Aktiviti Bersama***)
3. Apa yang menjadi persamaan kita semua ialah kemungkinan kita jarang atau tidak pernah menunjukkan belas kasihan kita dalam bentuk perbuatan.
4. Walaupun kita lakukan, kita lebih senang memberi wang kita daripada meluangkan waktu atau menawarkan diri kita sendiri.
5. Apabila Kristus memanggil kita untuk pergi dan memberitakan Berita Baik, apakah yang kita dipanggil untuk berkongsi? Apa itu Berita Baik? (*Biar mereka respon*)
6. Berita Baik adalah tentang kematian dan kebangkitan Yesus untuk dosa-dosa kita. Berita Baik adalah juga tentang bagaimana Allah menunjukkan kasih-Nya dalam sejarah. Kedatangan Yesus ke dunia untuk menjalani hidup bersama kita dan mati di kayu salib, merupakan cara Allah menunjukkan kasih-Nya kepada dunia.
7. Kehendak Allah adalah supaya kasih-Nya dinyatakan sepanjang sejarah. Dan Dia ingin melakukan itu melalui kehidupan kita.
8. Dia mahu menjelmakan kehidupan dan kasih Yesus di dalam gereja-Nya supaya orang akan dapat melihat Kristus sekali lagi.
9. Bagaimana Yesus menunjukkan kasih dan belas kasihan-Nya kepada orang-orang berdosa yang hilang arah tuju dan mati

secara rohani?

### 1. Yesus Melepaskan Semua Hak-Nya (Filipi 2:5-8)

- a. Bagaimana Yesus menyatakan kasih-Nya kepada kita? (*Biar mereka respon*)
- b. Dia melepaskan dan menyerahkan semua hak-Nya sebagai Allah untuk menjadi seperti kita, manusia yang Dia diciptakan. Seorang penulis *hymns* (lagu rohani) menulis, Tuhan semesta alam ini telah menjelma menjadi manusia, dan menghadkan kebesaran -Nya di dalam rahim seorang perempuan.
- c. Paulus pula menulis, Dia yang kaya menjadi miskin demi kita (2 Korintus 8:9) sehingga melalui penyerahan-Nya apa yang Dia miliki sebagai Tuhan, kita akan menjadi kaya di dalam-Nya.

### Yesus Berkongsi Kemanusiaan Kita (Ibrani 2:14-18; 4:4-16)

- a. Penulis Ibrani mengatakan bahawa Yesus sanggup berkongsi dengan kemanusiaan kita, untuk menjadi seperti kita, supaya Dia boleh mengetahui apa itu penderitaan dan menebus segala dosa-dosa kita (2:17).
- b. Daripada melawan penderitaan dan kesakitan dari syurga, Yesus telah datang ke dan masuk ke dalam alam manusia di dunia ini. Dia datang di tengah-tengah kita untuk hidup bersama kita dan melalui segala penderitaan dan kesakitan bersama kita.
- c. Maka tidak ada seorang pun yang boleh berkata bahawa Allah tidak mengerti apa yang dia sedang lalui! Allah dalam peribadi Yesus telah melalui penderitaan dan menghadapi semua godaan yang dihadapi oleh manusia.
- d. Yesus dapat merasakan apa yang kita alami dan bersimpati segala pergumulan, percubaan dan penderitaan, serta menolong kita di saat kita memerlukan-Nya (4:15-16).

### Yesus Datang Untuk Melayani (Markus 10:42-45)

- a. Tujuan utama Yesus datang untuk hidup di antara kita adalah untuk melayani kita.
- b. Dengan menyerahkan semua hak-hak diri-Nya, Dia sudahpun memberikan diri-Nya kepada kita.
- c. Paulus mengatakan bahawa Dia telah merendahkan diri-Nya dan mengambil sifat seorang hamba, dan datang untuk melayani kami dengan akhirnya mati di kayu salib.
- d. Semua sikap Yesus ialah Dia mencurahkan seluruh kehidupan-Nya

untuk melayani orang lain. Tidak ada satu peristiwa pun dalam Alkitab yang mencatat bahwa Yesus pernah menolak orang yang datang kepada-Nya untuk meminta pertolongan. Yesus menyembuhkan dan menyentuh kehidupan mereka apabila mereka datang kepada-Nya. Yesus juga melakukan hal yang sama walaupun mereka tidak meminta kepada-Nya. *(Tanya mereka kalau mereka dapat memberi contoh di mana Yesus menyentuh kehidupan seseorang walaupun tanpa mereka meminta daripada-Nya)*

- e. Sepanjang pelayanan-Nya, Yesus mencurahkan hidup-Nya dan kasih-Nya kepada orang ramai yang datang kepada-Nya. Seperti yang kita tahu, Dia tidak pernah menerima apa-apa sebagai balasannya. Dia juga tidak meminta apapun daripada orang-orang yang datang kepada-Nya.
- f. Melalui kehidupan pengorbanan-Nya bagi kita, Dia telah menunjukkan bagaimana kasih dan belas kasihan Allah kepada dunia ini.
- g. Dan inilah contoh yang harus kita contohi, yaitu menyerahkan semua hak kita dan berjalan bersama mereka yang memerlukan, serta mencurahkan hidup kita dalam pelayanan bagi mereka.

### **Respon Saya**

1. Yesus datang untuk memenuhi keperluan kita. Dia tidak hanya bersimpati dengan kita dari surga.
2. Dia datang, Dia merelakan tangan-Nya kotor dan Dia melayani mereka yang memerlukan-Nya.
3. Dengan cara yang sama, kita dipanggil untuk mengikuti langkah-Nya. Dia telah menyatakan bahwa tidak ada hamba yang lebih besar daripada tuannya.
4. Apakah maksudnya bagi kita untuk mengikuti langkah-langkah Yesus dalam hal melayani orang-orang yang memerlukan? Bagaimana kita boleh menanam dan memiliki satu hati yang penuh belas kasihan seperti Yesus? *(Biar mereka respon)*
5. Tidak semua kita secara semulajadi memiliki hati untuk berbelas kasihan kepada orang susah dan memerlukan di sekitar kita.
6. Perkara pertama yang boleh kita lakukan adalah meminta kepada Tuhan untuk mencurahkan kasih dan belas kasihan-Nya ke dalam hati kita. Pada akhirnya kasih Tuhanlah yang membolehkan kita mengasihi sama seperti Dia mengasihi.
7. Mungkin pada kehidupan anda sekarang anda tidak dapat melibatkan diri dalam pelayanan membantu mereka yang memerlukan, baik dalam komuniti anda ataupun di dunia ini. Tetapi

anda boleh mula dengan satu langkah kecil.

8. Untuk beberapa di antara kita, itu mungkin dengan bermula dari yang kecil sekali seperti mencuba untuk lebih berjimat dan menabung, kemudian menghantarnya kepada beberapa organisasi yang melayani orang-orang yang memerlukan.
9. Ada di antara kita pula permulaan yang kecil bermaksud memulau dengan doa untuk keperluan-keperluan yang anda baca di surat kabar, atau berita-berita organisasi Kristian yang biasa dikirim ke gereja anda.
10. Ada pula yang terpanggil untuk mula melihat keperluan yang ada dalam komuniti atau sekolah, dan turun padang untuk membantu.
11. Jadi, bila anda mula dengan cara dan langkah yang kecil, minta daripada Tuhan supaya terus memberikan anda hati yang berbelas kasihan sehingga anda boleh bermula awal dalam hidup anda untuk memperhatikan dan mempedulikan mereka yang memerlukan di sekeliling anda. Pasti ini adalah satu doa di mana Bapa di Syurga senang untuk menjawab kerana anda mahu menjadi seperti Dia.



### **Doa**

Berdoalah kepada Tuhan supaya mereka diberikan satu hati yang penuh dengan belas kasihan. Berdoa agar Tuhan mengajar mereka untuk selalu mencontohi Kristus (sikap, fikiran dan hati) supaya dapat melayani orang lain.



### **Persiapan Minggu Hadapan**

Sesi berikutnya akan tertumpu kepada tanggungjawab seorang Kristian terhadap dunia dan sumber-sumbernya. Ini mungkin sesuatu yang baru bagi para belia. Jika anda dapat sediakan gambar-gambar serta statistik pelbagai isu-isu pemuliharaan dan alam sekitar (contohnya, projek empangan air di Sabah & Sarawak dan kesannya kepada hak tanah penduduk asal), maka itu akan membantu mereka untuk mengerti tanggungjawab kita sebagai penghuni dunia. Anda juga boleh melayari internet dan menyediakan maklumat tentang beberapa isu atau permasalahan, seperti tumbuhan atau haiwan yang terancam, kemusnahan hutan, kesan rumah hijau dan lain-lain.



## Sesi 7: Hati Yang Hijau



### Objektif-Objektif Sesi

1. Menyedari bahawa dunia kini menghadapi banyak masalah alam sekitar.
2. Mengakui bahawa Tuhan telah memberikan mandat kepada manusia untuk menjaga dunia yang dicipta-Nya.
3. Menyedari akan tanggungjawab mereka sebagai anak-anak Allah untuk menjaga dan mengambil berat akan dunia yang mereka huni.
4. Belajar untuk lebih proaktif dalam memperhatikan sekurangnya satu kawasan yang bermasalah.



### Pencetus Minat

#### Mereka Membunuh Kami!

Tujuan aktiviti ini adalah untuk menunjukkan apa yang terjadi terhadap persekitaran melalui sketsa mereka.

1. Bahagikan para peserta kepada beberapa kumpulan.
2. Beritahu mereka untuk melakonkan salah satu daripada sketsa di bawah ini:
  - a. Bayangkan anda adalah dari keluarga ikan di mana ibubapa dan nenek moyang anda telah lama tinggal dengan damai di tasik ini. Walau bagaimanapun, baru-baru ini air di tempat tinggal anda telah berubah warna dan rasanya juga menjadi sangat aneh! Ini telah menyebabkan kawan-kawan dan keluarga anda jatuh sakit sehingga menyebabkan kematian yang sangat menyakitkan.
  - b. Bayangkan anda berasal dari keluarga pokok yang terkenal sejak dari nenek moyang anda kerana anda adalah dari jenis kayu yang keras. Tetapi sayangnya manusia telah mencerooboh kawasan anda dan menebang banyak ahli keluarga anda secara rambang.
  - c. Bayangkan anda adalah satu-satunya yang terselamat dari kumpulan orang utan (atau anda juga boleh memilih spesies yang terancam yang lain) di hutan anda. Anda meringkuk di tempat persembunyian anda. Pemburu haramlah yang bertanggungjawab atas pembunuhan teman-teman dan keluarga anda. Anda perlu bahaskan cara untuk

menyelamatkan dan menjaga spesies anda dari terhapus dari muka bumi.

- d. Sebagai kumpulan burung yang berhijrah, anda sering berhenti untuk berehat dalam perjalanan ke Selatan. Bagaimanapun ketika berehat di pokok, kebanyakan dari anda mengalami masalah pernafasan dan batuk. Bahkan pemandangan dari udara juga sangat kabur kerana berjerebu. Anda mula tertanya-tanya apa yang sedang berlaku di bumi ini?



### Aktiviti Bersama

1. Suruh mereka lakukan ujian “Berapa Hijaukah Anda”
2. Suruh mereka jumlahkan skornya. Jika jawapannya adalah A, markahnya 0. Setiap jawapan untuk B akan mendapat 1 markah.
3. Mereka yang mendapat markah 5 ke bawah merupakan mereka yang tidak prihatin tentang alam sekitar.
4. Mereka yang mendapat 6 markah ke atas adalah yang merupakan orang yang memperhatikan dunia ini!



### Renungan Firman Tuhan A. Pengenalan

1. Apakah pendapat anda tentang sketsa yang dilakukan itu? (*Biar mereka respon*)
2. Mengapa kita perlu untuk mengambil berat terhadap isu-isu seperti itu? (*Biar mereka respon*)
3. Adalah lebih mudah bagi kita untuk menjalani hidup ini dengan mempedulikan hal kita sahaja, dan tidak perlu ambil tahu apa yang berlaku kepada dunia dan sumber-sumbernya, bukan?
4. Sebenarnya, banyak daripada kita melakukan hal itu. Kita tidak terlalu peduli tentang apa yang terjadi pada dunia kerana kesannya tidak secara langsung kepada kita. Dan kita sudah biasa dengan cogan kata, “biar orang lain yang urus perkara itu”.
5. Adakah kita mempunyai tanggungjawab untuk menjaga dunia tempat kita hidup ini, dan mempedulikan perkara-perkara buruk yang terjadi kepada sebahagian daripada dunia ciptaan Allah ini?
6. Iniah yang kita ingin perkatakan dalam sesi ini.

## B. Dunia Bapaku

- i. Biar mereka tetap dalam kumpulan yang sama.
- ii. Baca situasi berikut kepada mereka:

Semasa anda melayari internet tentang beberapa isu alam sekitar, anda menemui artikel yang bertajuk “Samson membasmi semua rubah di Timnah”. Dalam artikel itu penulis tersebut mempersoalkan pendirian Alkitab tentang isu-isu alam sekitar dan apakah Alkitab sebenarnya menyokong pemuliharaan?

Jika anda ingin menjawab soalan dalam blog tersebut, apakah yang anda katakan bahawa Allah sebenarnya sangat peduli akan dunia yang diciptakannya?

- iii. Tulis ayat-ayat berikut di papan tulis sebagai rujukan mereka:  
Kejadian 1:9-12; 20-31      Mazmur 24:1-2
- iv. Meminta mereka untuk membincangkan bersama dan menyenaraikannya bagaimana pandangan Allah terhadap dunia yang diciptakan-Nya.
- v. Kemudian ringkaskan seperti berikut:

### 1. Allahlah Yang Menciptakan Dunia

(Kejadian 1:9-12,20-31; Mazmur 24:1-2)

- a. Alkitab mengatakan bahawa bumi dan semua yang ada di dalamnya adalah milik Allah (Mazmur 24:1-2).
- b. Dunia ini adalah milik-Nya kerana Dialah yang menciptakan segala sesuatu yang ada di bumi ini.
- c. Buku Kejadian memberitahu kita bahawa setiap kali Allah mencipta sesuatu, Dia mengatakan bahawa semuanya itu baik (Kejadian 1:10,12,25).
- d. Apakah kesan yang anda dapat terhadap perasaan Allah tentang semua yang diciptakan-Nya? *(Biar mereka respon)*
- e. Allah melihat segala sesuatu itu adalah baik. Ayat ini menyatakan bahawa Allah sangat senang dan bangga dengan segala sesuatu yang diciptakan-Nya.

### 2. Allah Mengasihi Dunia Yang Dicipta-Nya

(Kejadian 1:9-12,20-31)

- a. Buku Kejadian mengatakan bahawa Allah tidak akan meninggalkan dunia yang diciptakan-Nya sendirian.
- b. Dia memberikan Adam dan Hawa tugas yang istimewa untuk menjaga semua yang ada di bumi (Kejadian 1:28-30).
- c. Manusia harus menjadi pengurus untuk Allah dalam memimpin

dunia dan menjaga segala sesuatu yang ada di bumi. Setelah semuanya selesai diciptakan, Allah melihat bahawa semuanya lengkap dan Dia mengatakan bahawa segala sesuatu itu sangat baik (Kejadian 1:31)

- d. Mandat ini diberikan kepada manusia yang mencerminkan hati Allah terhadap dunia ini. Jika Dia tidak mengasihi segala ciptaan-Nya Dia tidak akan memberi arahan kepada manusia untuk menjaganya.
- e. Mandat ini merangkumi segala sesuatu yang hidup dan tidak hidup yang ada di bumi, kerana semuanya saling bergantung dan saling berkaitan antara satu dengan yang lain.
- f. Sama seperti manusia mempunyai kepentingan tersendiri dan bermakna bagi Allah, begitu juga dengan segala sesuatu yang ada di bumi mempunyai kepentingan sendiri dan bermakna bagi Allah.
- g. Bumi dan segala sumbernya sangat bererti bagi kita semua. Oleh itu kita harus menghormati dan menjaganya dan bukan mengeksploitasikannya.
- h. Walau bagaimanapun, kerana dosa dan keserakahan kita telah menghancurkan banyak dari apa yang Allah berikan kepada kita.

### 3. Manusia Menebusnya

- a. *(Minta mereka melihat dalam Roma 8:18-25. Minta salah seorang dari peserta untuk membacaknya)*
- b. Menurut anda, apakah yang dikatakan oleh Paulus? *(Biar mereka respon)*
- c. Dia mengatakan bahawa segala ciptaan menanti penebusan daripada Allah. Walaupun bumi dan isinya telah rosak tetapi Dia berjanji sapabila Kristus datang kembali, Allah akan membawa kesembuhan dan menyempurnakan segala yang diciptakan-Nya -- bumi dan manusia.
- d. Walau bagaimanapun, sementara kita menunggu Allah untuk menebus segala sesuatu yang diciptakan-Nya, kita sebagai umat-Nya bertanggungjawab untuk membantu memulihkan dunia.
- e. Kita perlu ambil berat tentang pembaziran dan pemusnahan yang perlahan terhadap bumi dan sumbernya. Kita perlu menjadi sebahagian daripada penebusan dunia ini.



#### Doa

Suruh mereka berdoa supaya mereka akan mempunyai kesedaran tanggungjawab untuk menjaga alam ciptaan Allah ini.

## Sesi 8: Hati Yang Adil



### Objektif-Objektif Sesi

1. Menyedari bahawa kadang-kadang tidak mudah untuk mengetahui bagaimana bertindak secara adil dalam situasi tertentu.
2. Memahami bahawa berlaku adil bukan sahaja tidak melakukan apa yang salah, tetapi juga secara aktif mencari untuk melakukan apa yang benar.
3. Mengetahui bahawa keadilan juga sering diikuti dengan belas kasihan.
4. Belajar apa erti melakukan apa yang adil dan benar dalam situasi yang sukar.



### Pencetus Minat

#### Tentang Keadilan

Objektif aktiviti ini adalah untuk mendedahkan para peserta bagaimana mereka akan bertindak ketika berhadapan dengan situasi yang sukar.

1. Jelaskan kepada para peserta bahawa anda akan membaca beberapa situasi satu per satu. Mereka akan membuat keputusan bagaimana untuk bertindak dengan situasi yang diberikan mengikut pilihan yang diberikan kepada mereka.
2. Minta mereka untuk mengangkat tangan selepas situasi dibacakan untuk melihat apakah pilihan mereka.
3. Berikut adalah senarai situasi dan pilihan:

- (a) Anda telah meminjamkan sejumlah wang kepada seorang teman. Dia telah berjanji berkali-kali untuk membayarnya, tetapi anda belum juga melihat wang anda selepas beberapa bulan. Apakah yang akan anda lakukan?

*(Biarkan saja; Mengancam untuk mengambil tindakan; Tidak tahu apa hendak dibuat; Mengadu kepada teman-teman lain)*

- (b) Anda adalah seorang pengawas dan telah menangkap salah seorang teman anda yang merokok di dalam tandas. Semua pengawas telah diberi arahan untuk menulis nama mereka yang didapati bersalah walaupun itu dilakukan untuk pertama kali. Dia merayu kepada anda supaya tidak menulis namanya kerana dia takut bapanya akan tahu dan

menghukum dia dengan sebatan. Apa yang anda akan lakukan?

*(Memberinya peringatan dan membiarkan dia pergi; Menuliskan namanya, Membawanya ke guru disiplin; Buat tak tahu)*

- (c) Sudah menjadi satu rahsia umum bahawa untuk lulus ujian memandu, anda perlu memberi rasuah kepada jurulatih di mana anda belajar memandu walaupun ia sudah termasuk di dalam jumlah kos latihan. Apa yang akan anda lakukan apabila anda mendaftar dengan sekolah-sekolah memandu?

*(Teruskan untuk mendaftar; Memberitahu pengajar anda bahawa anda tidak mahu sekolah memandu yang perlu memberi rasuah kepada jurulatih; Menolak untuk membayar kos tambahan untuk sekolah memandu tersebut; Tutup mata dan bayar rasuah)*

- (d) Kelas anda menjadi heboh kerana guru kelas anda tidak ada. Namun bila guru yang mengajar di kelas sebelah datang dengan tiba-tiba, semuanya menjadi senyap. Dia mula memarahi dan entah mengapa sasarannya adalah seorang pelajar lelaki yang dia tidak suka. Dia menuduhnya menjadi kepala dalam membuat bising dan mengancam akan melaporkannya kepada guru disiplin. Semua orang tahu bahawa pelajar ini tidak bersalah walaupun pelajar ini memang mempunyai bahagian dalam menimbulkan masalah.

*(Mendiamkan diri seperti pelajar yang lain dan membiarkan pelajar lelaki itu dipersalahkan; Memberanikan diri untuk menegur guru itu dan menjelaskan perkara sebenar; Mendesak kawan anda yang lain untuk melakukan sesuatu)*

4. Anda mungkin mahu bertanya mengapa mereka memilih jawapan tersebut, dan boleh juga bincangkan pro dan kontra setiap jawapan.



## Renungan Firman Tuhan

### A. Pengenalan

1. Dalam kehidupan seharian kita, kita sering berhadapan dengan

- situasi di mana tidak mudah bagi kita untuk bertindak adil sebagai seorang Kristian.
2. Banyak kali kita memilih cara seperti seorang pengecut dan tidak melakukan apa-apa. Kita risau sekiranya tindakan kita akan menyebabkan orang lain tidak senang dengan cara kita. (*Rujuk kepada perbincangan dan aktiviti sebelumnya*)
  3. Kadang-kadang perkara tersebut bukan sesuatu yang mudah dan langsung, kerana ada banyak faktor lain yang terlibat. Contohnya: dalam kes pelajar takut nanti dimarahi bapanya, bukankah lebih baik dan mudah untuk tutup satu mata atas dasar berbelas kasihan, dan hanya beri dia amaran walaupun ini bermakna anda sudah melanggar peraturan? (*Biar mereka respon*)
  4. Kita tahu bahawa Tuhan kita adalah Allah yang adil dan Dia menuntut kita sebagai umat-Nya untuk hidup adil dan benar seperti Dia. Pada masa yang sama kita juga melihat bagaimana Allah tidak melayani kita seperti yang kita layak, tetapi dalam belas kasihan-Nya, Dia menahan kemarahan-Nya.
  5. Jadi, bagaimana kita boleh menjalankan kehidupan kita yang mencerminkan keadilan dan belas kasihan Allah?
  6. Inilah yang kita akan pelajari pada sesi ini.

### **1. Tidak Melakukan Apa Yang Salah – Membenci Kejahatan.**

- a. Alkitab mengatakan kepada kita bahawa Allah kita adalah Tuhan yang adil dalam setiap jalan-Nya (Ulangan 32:3-4). Banyak kali perkataan 'adil' itu muncul seiring dengan perkataan 'benar' dan 'adil' (Amsal 2:6-9, Yeremia 23:5).
- b. Pemahamannya adalah tentang Allah ialah Tuhan yang melakukan apa yang benar dan adil. Berkelakuan adil melibatkan apa yang benar dan saksama di mata Tuhan.
- c. Amos menyenaraikan satu siri perkara tidak adil dan benar di mata Tuhan yang umat Israel lakukan. Dia memanggil mereka sebagai pelaku perbuatan jahat dan mencabar umat Israel untuk membenci apa yang jahat dan tidak adil (Amos 5:14-15).
- d. Mereka berdosa kerana orang-orang yang lemah dan tidak mampu mempertahankan diri - orang miskin, anak yatim, para janda dan orang asing (Amos 5:11, Yeremia 22:3)
- e. Jika kita mahu hidup dengan adil, maka kita harus mengelakkan daripada melakukan apa yang salah di mata Allah, terutama bagi mereka yang tidak berdaya dan tidak mempunyai jalan untuk mendapatkan pertolongan orang lain.
- f. Apakah maksud ini secara pratikal bagi kita? Siapakah orang yang tidak berdaya dan tidak mampu untuk membantu diri sendiri? (*Biarkan mereka membincangkan perkara ini dalam*

*kumpulan masing-masing kemudian kongsi jawapan mereka.)*

## **2. Melakukan Apa Yang Benar – Mencari Tuhan**

- a. Melakukan apa yang adil dan benar melibatkan lebih daripada untuk mengelak diri dari melakukan perkara yang salah dan jahat.
- b. Hidup dalam keadilan juga bermaksud bersikap proaktif dan melakukan perkara yang baik. (Amos 5:14)
- c. Yeremia memanggil umat Israel untuk bertindak bagi pihak mereka yang ditindas dan diperlakukan dengan tidak adil (Yeremia 22:3)
- d. Amos juga memanggil umat Israel untuk melakukan perkara yang baik dan terus bekerja keras untuk mengekalkan apa yang baik, terutama sekali bagi mereka yang tidak mampu berdiri dan berjuang untuk diri mereka.
- e. Ini bermakna kita harus belajar untuk menegakkan kebenaran, khususnya apabila orang lain tidak mampu bercakap untuk diri mereka.
- f. Bagaimana pula dengan mereka yang tidak mampu membela diri mereka sendiri yang diperlakukan dengan tidak adil? (*rujuk kepada aktiviti sebelumnya*) Apakah langkah-langkah praktikal yang boleh kita ambil untuk bercakap dan bertindak bagi mereka? (*Biarkan mereka membincangkan perkara ini dalam kumpulan masing-masing kemudian minta mereka untuk menyebut situasi di mana mereka mungkin perlu bertindak bagi pihak orang lain. Kemudian minta seseorang wakil dari setiap kumpulan untuk mengongsikan hasil perbincangan mereka.*)

## **3. Melakukan Dengan Belas Kasihan**

- a. Allah bukan sahaja bertindak adil tetapi Dia juga bertindak dengan penuh belas kasihan terhadap kita.
- b. Jika bukan kerana kemurahan Allah, kita tidak akan berdiri seperti sekarang, menikmati berkat sebagai anak-anak Allah. Jika Allah hanya bertindak dengan adil terhadap kita, pastinya kita sudah dihukum kerana dosa kita.
- c. Sebab itu Alkitab memanggil kita untuk bertindak adil dan pada masa yang sama bertindak dengan penuh belas kasihan.
- d. Apakah situasi yang mengkehendaki kita untuk bertindak dengan adil tapi penuh dengan belas kasihan? (*Biar mereka respon*)
- e. Tidak mudah untuk berhadapan dengan situasi bila mana untuk tetap berpegang kepada prinsip yang benar atau salah dan



pada masa yang sama bertindak dengan belas kasihan dan membiarkannya berlalu.

- f. Tidak ada jawapan yang mudah kerana setiap situasi adalah berbeza.
- g. Yakobus 3:17 mengatakan bahawa kebijaksanaan Allah adalah adil dan penuh belas kasihan. Dalam setiap situasi, mintalah kebijaksanaan Allah (Yakobus 1:5) untuk mengetahui bagaimana bertindak dengan adil dan penuh belas kasihan.



### **Doa**

Minta mereka berdoa supaya Allah memberikan mereka hati yang bukan saja adil tetapi juga penuh dengan belas kasihan. Galakkan mereka untuk berdoa supaya anugerah Allah menyinari kehidupan mereka dalam interaksi mereka dengan orang lain ketika mereka melakukan kebaikan terhadap orang-orang yang tertindas.

# OBOR BELIA

Siri buku OBOR Belia yang diterbitkan oleh Wawasan Penabur Sdn. Bhd. ini mengandungi tema-tema utama iman Kristian dan isu-isu praktikal yang dihadapi oleh pemuda-pemudi zaman sekarang. Sebanyak 25 buku dalam Siri OBOR Belia yang merangkumi kurikulum 5 tahun telah dirancang untuk kegunaan pemuridan dan persekutuan belia.

Ada empat kategori utama untuk siri OBOR ini: *Asas-asas Iman, Kehidupan dalam Kristus, Isu-Isu Praktikal* dan *Cara Menghadapi Kepercayaan-Kepercayaan Lain*. Semua pelajaran telah ditulis dengan lengkap dan sistematik, mengandungi ajaran Alkitab yang kukuh, bersifat interaktif dan sedia digunakan oleh para pembimbing dan belia.

Buku yang kedua puluh dua, "**Ubah Hatiku**" membincangkan tentang lapan kualiti hati yang diubah yang akan menyenangkan hati Allah: hati yang sungguh-sungguh, penuh ketaatan, didasari iman, sarat dengan integriti; berpandangan global untuk menyentuh hati Tuhan, memiliki hati pengurusan untuk semua ciptaanNya, berbelas kasihan dan hati yang berani berdiri demi keadilan dan kebenaran. Semoga buku ini dapat menolong dan mendorong para belia Kristian untuk melihat keadaan dunia kini melalui sudut pandangan Allah dan mendengarkan suara hati Allah tentang keselamatan dan penebusan mereka. Diharapkan juga mereka akan memiliki komitmen untuk mengasihi dan mempedulikan, bukan hanya kata-kata tetapi juga dalam perbuatan sehingga kehidupan mereka mencerminkan kasih Allah bagi orang dan dunia yang diciptakanNya.



"Didiklah orang muda menurut jalan yang patut baginya, maka pada masa tuanya pun ia tidak akan menyimpang dari pada jalan itu" (Amsal 22:6).

"Pendekatan buku ini sungguh segar. Aktivitinya yang kreatif dapat menawan minat belia. Kurikulum OBOR Belia yang ditulis menurut konteks kebudayaan Malaysia serta memberi penekanan praktikal sungguh berguna bagi pertumbuhan belia. Saya yakin bahawa kurikulum ini akan menolong mereka untuk berdiri teguh dalam iman, dan membimbing mereka untuk menyumbang terhadap pembangunan masyarakat yang bermoral, bersifat penyayang dan berperihatin."

Pr. Danil Raut, Presiden Sidang Injil Borneo (SIB) Semenanjung

"Masa depan gereja di Malaysia sangat bergantung kepada bagaimana kita mempersiapkan dan memuridkan generasi muda kita hari ini. Mereka adalah aset gereja yang sangat berharga dan merupakan calon pemimpin dalam pelayanan gereja pada masa akan datang. Kita memerlukan bahan pemuridan yang sistematik, menyeluruh dan menekankan pengajaran Firman Tuhan untuk melahirkan satu generasi yang kuat dan berdaya saing dalam dunia yang sangat mencabar ini. Saya ingin mendorong gereja-gereja berbahasa Malaysia dan Orang Asli (OA) menggunakan OBOR Belia ini untuk tujuan memperdalamkan pemahaman Alkitab dan pembentukan supaya mereka boleh bertumbuh sebagai pengikut Kristus. Siri buku ini akan membantu melahirkan generasi muda orang Kristian yang mantap di Malaysia."

Alfred R. Tais, Setiausaha Eksekutif Komisi Bahasa Malaysia,  
National Evangelical Christian Fellowship (NECF)

Harga: RM 6.00